

PENERBIT NOVEL PALING POPULAR
ANUGERAH BUKU NEGARA 2023

Karya
Seni

ADA APA DENGAN DIA?

SOMEHOW, BEING WITH YOU MAKES EVEN
THE HEAVY DAYS FEEL LIGHTER



MAYE NI

Bab 1

“**E**H, tak inginalah, mama.
Abang dah
demam?”

kenapa, Hanim menjeling sekilas anak sulungnya sambil tangannya sibuk menulis sesuatudibuku jurnalnya.

Aslanmelabuhkan punggung di atas sofa sambil menggaru kepalanya yang tidak gatal. Pening juga dia memikirkan perihal keluarganya memandangkan dia anak sulung. Terasa beban tanggungjawab untuk memastikan keluarganya dalam keadaan yang baik setelah pemergian abah.

“Senang cerita memang mama tak terfikir langsunglah, tiba-tiba nak suruh mama kahwin. You tu, cari *girlfriend* dulu, sibuk nak suruh kita. Lana tu dah masuk tingkatan lima, dah boleh jaga diri. Esok lusa kalau mama ikut sangat cakap *korang*, kahwin dengan ayah baru, dah satu hal nak kena berjaga malam kut dibuatnya dapat *baby* baru. Mama nak kita fokus dengan apa yang ada sekarang ni,” ujar Hanim selamba, mematikan apa yang mula bermain dalam fikiran Aslan.

Ada Apa Dengan Dia?

“Tapi ma, Alan dahlah duduk jauh dengan mama, siapa nak tengokkan mama? Tengok tu, kain dah berbakul tak lipat. Nak harapkan budak ni, memang taklah.” Wajah Lana dipandang kosong. Nak harapkan budak Lana ni, nama aje dah tingkatan lima, kerja rumah pun tak reti buat.

“Lana *pulak?*”

“Dah Lana aje yang duduk sini teman mama,”
sindirnya tajam.

“Kalau tak sebab abang marah Kak Su, tak ada dia lari dari rumah eh. Ingat sikit, selama ni ada *helper*, aman aje hidup.” Mendatar bunyinya tapi dapat ditangkap Aslan.

“Hah, pandai mengungkit.”

“Salah abanglah pergi sergah dia, siapa suruh?”
Lana memulangkan paku serpih. Aslan diam, tidak tertarik untuk membalas.

“Mama, bolehlah... Buat temankan mama aje.
Please...” Bunyinya seakan-akan mendesak.

“Abang tengok mama ni *helpless* ke? Ma boleh *drive, financial* ma okey, serba-serbi cukup. Yang kamu nak kesahkan pasal baju tak berlipat tu dah kenapa?”

“Tu *one of it* aje, ma. *Can you please read between the lines?*”

“Mama dah biasa duduk berdua aje dengan Lana, kolej Opie pun tak jauh, selalu aje balik sini. Abang tak payah risau. Sekarang ni bukan cerita pasal mama. Ni cerita pasal you. Nasihatkan orang bukan main pandai.”

“Alan *pulak,*” cebik Aslan.

“*At least* mama dah pernah kahwin. Anak dah

tiga orang, besar panjang semua dah. Kamu tu?”

“Entah, tulah... Garang sangat. *Kerek pulak* tu.

Bagi *free* pun tak ada yang nak,” gumam Lana. Lana cuba mendapatkan perhatian abangnya. Baginya, Aslan terlalu susah untuk didekati. Kadang-kadang teringin juga dia mengambil hati Aslan. Dari awal dia pindah ke rumah mama, sampai ke sudah masih tak merasa *siblings bond*.

Tapi itulah, Aslan pun masih belum dapat *chemistry* dengan adiknya. Lebih-lebih lagi Lana dah meningkat remaja. Janggal rasanya.

Aslan diam lagi.

“Sudahlah tu, mama okey. Mama kan keluar masuk ofis, jumpa *student* hari-hari. Tak ada masa yang mama sunyi. Kalau itu yang *you all* risaukan sangat.”

“Yalah tu. Alan ni ma, Alan tak suka tengok mama duduk sorang-sorang kat rumah ni. Lana tu *next year* dah masuk kolej. Nanti mama sunyilah. Alan tak suka.”

“Dah kalau Alan risaukan sangat, balik KL. Kerja sini. Mama ramai kawan dalam industri ni, senang-senang aje boleh dapat. Abang yang tak nak.”

“Alan cakap banyak kali kan, ma. Alan dah *join* projek kat Jurong tu dari *preliminary phase* lagi, sejak Alan *intern* dulu. Alan naklah *experience join team project* macam ni. Kan Alan dah cakap, Alan nak *experience hand over project* ni, okey kan?”

“Dia bagi alasan boleh *pulak*,” gumam Lana perlahan. Takut juga kalau didengari ‘musuh’ sejak kecilnya.

Lana dijelingnya. Aslan memang kurang

Ada Apa Dengan Dia?

berkenan sungguh dengan satu-satunya adik perempuannya itu. Dipendekkan cerita, semuanya tentang Lana menjengkelkan dirinya. Lana dikira sebagai anak yang manja. Terlalu menyusahkan mama sejak ketiadaan abah.

“Lana tu sekolah pun tak habis lagi. Jangan menyibuk. Ni, abang nak pesan, SPM ni, *no matter* apa *result*, *next year apply local uni*,” balasny dingin.

“Tahu *pulak* Lana ambil SPM tahun ni. Ingatkan abang *still* ingat Lana ni baru darjah dua.”

Lana sengaja menghempas-hempas buku teks Fizik yang sedang dibeleknya sebelum mengemas meja dan berlalu pergi. Lana bukanlah seorang yang terlalu manja seperti yang dibayangkan Aslan. Malah dia gadis yang selalu menyenangkan hati ibu mereka saat kedua-dua abangnya tiada di rumah. Lana cuma mengharapkan kasih sayang daripada seorang abang, seorang wali yang baginya patut menjadi pelindung setiap kali dia rasa memerlukan.

Aslan terdiam sejenak. Tapi tindakan Lana masih belum dapat meruntuhkan dinding emosinya. Hanim pun sudah lali dengan keadaan ini. Baginya, dia sendiri yang silap percaturan. Sewaktu kecil Lana terlalu dimanjakan. Apa sahaja kehendak Lana dituruti, sehingga permintaan Lana memilih untuk tinggal dengan abahnya pun Hanim ikutkan saja. Kesannya, abang-abang Lana semua kekok dengan Lana.

Hanya selepas kematian abah mereka barulah Lana berubah sikap. Dia menjadi lebih pendiam. Pemergian Encik Hadi empat tahun lalu memberikan impak yang besar dalam hidup Lana. Lana tidak lagi ceria

kerana rumah mama terasa begitu asing baginya. Tiada lagi abah yang selalu memanjakannya.

“Puas hati you?”

“Mama manjakan dia sangat. Tengoklah, Alan baru cakap sikit bukan main dia balas. Macam tu ke cakap dengan abang?”

“*Part* mana yang mama manjakan? Mama sibuk, you tahu, kan? Lana tu, setiap masa uruskan diri sendiri. Alan aje yang tak ambil tahu. Adik terpaksa uruskan sendiri pendaftaran sekolah sebab mama terpaksa *rush* pergi fakulti. Abang tak tahu, kan?” Hanim bingkas bangun menuju ke dapur. Aslan yang egois, susah betul nak lembutkan hatinya.

Aslan memandang kosong televisyen. Fikirannya ligat berputar. Berkira-kira, terlalu kasarkah dia dengan adik kandungnya sendiri?

Bab 2

“**Y**ubiar betul, Dani?” Tiara mencerlung.

Dani memandang ke kiri dan kanan, takut jugadidengari rakan sepejabat yang lain. Tapi sudah muktamad, Dani harus meninggalkan syarikat yang suda h hampir lima tahun dia berkhidmat sebagai pereka dalaman.

“Betullah, TaTia.”

“*Excuse me, Tiara please.*” Tiara menjeling.

“Kak Tia... Tolonglah, I dah habis fikir. I rasa *this is the best solution* yang I boleh buat,” ujar Dani kegelisahan.

“I malaslah nak cakap dengan you kalau pasal hal ni. Kalau you *resign*, I nak jawab apa dengan bos? Dahlah I yang *recruit* you masuk, dah *shape* you jadi MVP kat *firm* ni.”

Dani mencebik mengharapakan simpati.

“Kalau you nak tender *this one*, you hadap Encik Khalil sendiri. I malas, okey?” Tiara maju ke depan. Malas

nak layan.

“Cik Tia, kan I bagi *one month notice*, you boleh *recruit designer* baru and I pun boleh *guide* untuk *take over* kerja I, *please* Tiara.” Dani merayu. Tak sabar rasanya nak angkat kaki dari syarikat ini. Bukan kerana terbeban dengan kerja, sumpah... Dani sangat cintakan kerjayanya tapi pendapatan bersih Dani tak boleh menampung kehidupannya yang sekarang.

“*Okay, what did you expect me to do to make you stay? No secrets, okay?*” Tiara dah mula menyiasat. “*Wait, we’re in good term is it?*” tanya Tiara seakan-akan berkeras. Sekadar meminta kepastian. Manalah tahu ada perkara yang melibatkan hati dan perasaan.

Dani mengangguk laju. Jujur, Dani sayangkan syarikat ini dan Tiara terutamanya. Tiada politik dalam syarikat, semua staf baik-baik belaka dan selalu diberikan waktu yang fleksibel. Siapa yang tak nak?

“Kak Tia, *to be frank*, I masih buat *part-time and some freelance jobs after office hours*. Tapi you tengoklah, *culture* kerja kita, keluar masuk ofis tak tentu masa.”

Tiara diam sekadar memerhati bahasa tubuh Dani.

“I terkejar-kejar *and yes*, I buat semua ni sebab *I have bills and commitments to pay. Income* I tak boleh *cover monthly commitments* I pun, Tiara.”

Hampir saja Dani hilang kawalan emosi di hadapan Tiara. Tiara mencekak pinggang sebelah sambil mengurus pelipisnya lalu tersenyum senget.

“You tahu kan, I cuma ada Ed seorang, *both of us* kena *hustle*.”

Ada Apa Dengan Dia?

“Look, Dani. It’s your right to take on freelance jobs. But the fact that you’re working in this field means you should have known, right?”

“I pun tersepit. You ingat I hadap sangat ke nak buat *extra job if I don’t need money?*”

Tiara sekadar diam. Bukan dia tak tahu kemampuan Dani, tapi betullah tu, keadaan memaksa.

“I love this job and you pun tahu ini memang passion I. I teringin nak balik kerja, lupakan tentang workload and finally getting the sleep I deserve. But I can’t. If only the company paid me a reasonable salary, tenang hidup I, Tiara,” luah Dani.

“So memang you betul ada masalah duit? Bukan you nak lari dari *company* ni?” duga Tiara.

“Correct,” ujar Dani perlahan.

“I bukan nak buat cerita kesian *and* I pun rasa tak adil pada *company*. Sebab tu I tak nak *demand*. Tapi *I was forced to be this selfish*. I harap you faham. *Please think about it* tau. You banyak tolong I, Cik Tia. Dari dulu lagi,” rayu Dani sebelum melangkah keluar dari bilik Tiara.

Tiara adalah salah seorang sayap kanan dalam firma KAIA, yang diasaskan oleh Encik Khalil. Sejak awal penubuhannya, Tiara turut bersama-sama menaikkan firma itu. Tak hairanlah kalau Encik Khalil begitu percayakan Tiara untuk merekrut pekerja yang dia rasa layak menjadi nadi untuk menghasilkan karya di bawah naungan KAIA.

“DANI, one big mistake and this firm will no longer tolerate such behaviour.” Tiara senyum senget.

“Ini surat daripada Encik Khalil. Sekarang dia ada *conference* kat *Singapore*. Dia minta Nina buat surat ni serta-merta *and* minta I serahkan pada you *on behalf of him*. Bacalah,” ujar Tiara separa tegas.

Seram sejuk dibuatnya. Entah apa pula kali ini.

Dani berkira-kira, takut juga dia kalau-kalau dikenakan penalti oleh syarikat disebabkan sejarah kedatangannya yang tak tentu masa. Janganlah bos minta dilanjutkan ke dua, tiga bulan notis berhenti. *Freelance project* dekat Ampang dah lama *on hold* sebab kesibukan kerja di pejabat.

Tiara. Surat dicapai perlahan dari tangan Bintang mata Dani. “Ya Allah, Tiara... *Is this serious?*” Bulat mata Dani. Air mata sudah mulai bergenang.

Tiara tersenyum senang hati.

“Yes, it is. This company wouldn’t be the same without you, Dani. We need more passionate people like you. We should’ve secured you from the start. Congratulations. Happy now?”

“Beyond. Thanks, Tiara. Are you behind all this?”

“No way!” Tiara tersenyum senget lalu pergi meninggalkan Dani.

Dani melangkah dengan semangat yang baru.

Dia dinaikkan pangkat sebagai *design manager* dan tentulah gaji yang ditawarkan setimpal dengan tugas yang bakal digalas. Lepas ini dia tak perlulah bersusah payah jadi guru tuisyen dan cari projek sendiri. *Basic salary wins. Chin up, Dani!*

Bab 3

PINTU bilik diketuk bertalu-talu. Lana yang sedang ralit

“Ma, *sorry*... Lana tak perasan pintu berkunci,”
ujar Lana.

Sayu hati Hanim memandang Lana. Berat perasaan yang ditanggungnya. Sejak Lana tinggal dengannya, Lana kerap menyendiri di dalam bilik.

“Kenapa ma pandang Lana macam tu?” tanya Lana bersahaja. Dia cuba sedaya upaya menyembunyikan perasaan yang kosong dek layanan abang sulungnya selama ini.

“Mama tanya ni, Lana jawab jujur tau.”

“*Hmmm*, bunyi macam serius aje?” Lana mengangkat kedua-dua keningnya sambil berharap janganlah ditanya soalan yang boleh membuatkan hatinya sebak.

“Lana *still* tak biasa tinggal kat sini, kan?”

Pendek pertanyaan Hanim. Ringkas tapi penuh makna. Tahun ini merupakan tahun keempat Lana berpindah ke rumah ibu kandungnya, Hanim. Hanim dan bekas suaminya, Allahyarham Encik Hadi memutuskan untuk berpisah secara baik lapan tahun yang lalu dan Lana memilih untuk tinggal bersama Encik Hadi dek terlalu manja dengan ayahnya. Namun ajal dan maut adalah rahsia Allah, Encik Hadi meninggal dalam sebuah kemalangan ketika Lana masih perlukan kasih sayang seorang abah. Lana tiada pilihan lain selain kembali tinggal bersama Hanim, Aslan dan Firas. Kerana itulah hubungan Lana dan abang-abangnya agak dingin. Tiada kemesraan seperti keluarga yang lain. Lana cuma rapat dengan mamanya.

“Lana? Apa yang ditenungnya tu?” Lembut saja Hanim menyapa anaknya.

“Tak ada apalah, ma. Lana teringat kat abah.”

“Kalau rindukan abah, nanti kita solat jemaah, lepas tu kita bacakan surah Yasin untuk abah. Mama pun rindukan abah.”

“Ma...”

“Kenapa?”

“Lana tak pernah nampak mama dengan abah bergaduh. Tapi kenapa mama dengan abah berpisah?”

Hanim senyum kelat. “Maksudnya, mama dengan abah buat keputusan dalam keadaan yang tak dikawal emosi. Jodoh tu macam ajal *jugak*, rahsia Allah. Rezeki mama untuk jadi isteri abah sampai takat tu aje.”

Biarpun pahit bagi Lana, sekarang dia belajar untuk reda dengan keputusan yang dibuat oleh orang

Ada Apa Dengan Dia?

tuanya. Lana bangga punya abah dan mama yang miliki jiwa yang matang. Kalau dulu Lana suka memberontak, namun kini Lana sudah sadar tentang ketentuan takdir.

“Menung apa lagi tu? Dah, cepat nanti terlepas maghrib kita.”

“Baik, ma.” Lana bingkas bangun.

“**WAH**, lebar betul senyum tu.” Zaed mendapatkan kakaknya sejurus tiba di rumah.

Zaed orang pertama yang diberitahu mengenai berita kenaikan pangkat Dani.

“*Power* juga akak ni. Ingatkan biasa-biasa aje,”

sambung Zaed, mengusik kakaknya sambil meletakkan beg gitar yang digalasnya di atas sofa.

“*Hello, this is Dania Dawson a.k.a Dani the tough lady,*” balas Dani sekadar membalas usikan adiknya itu dengan *slang* Inggerisnya.

“Yalah. *Didn't I tell you? Your boss is either going to promote you or give you a salary increment.* Normal kan, *firm* macam ni nak *test loyalty* staf aje *when it's not a problem for them to* naikkan gaji dari awal.”

“*Won't be offered this position if it wasn't Dania.*” Senyum Dani dengan gurauan sinis.

Zaed menghamburkan gelak.

“Oh, *now you're saying that Dania is the most valuable player a.k.a MVP?*”

“Habis tu?” ujar Dani. Dia mengangkat-angkat

keningnya sambil melayang-layangkan surat pelantikan jawatannya ke arah Zaed.

“*Show off!*” jerit Zaed ke telinga kakaknya sambil berlari-lari anak menuju ke bilik.

“Kak Dani malam ni *dinner char* kuetiau kat bawah *tuition centre* akak jom?!” jerit Zaed dari bilikinya.

“*Let’s!*” balas Dani pantas.

Dua beradik berdarah kacukan ini sudah betah dengan cara hidup orang Melayu sejak lahir. Zaedlah adik, Zaedlah teman, Zaedlah wali. Adiknya yang seorang ini memang penghibur Dani setiap masa. Sungguhpun Zaed lelaki yang sedang meningkat usia remaja, dia tak pernah mengecewakan Dani. Hidup mereka adalah untuk mereka berdua. Lebih-lebih lagi apabila diuji dengan ujian berat yang baru menimpa, tanpa kehadiran *mommy* dan *daddy*, mereka sentiasa tabah menghadapi liku-liku kehidupan.

teres Dani memandang siling rumah peninggalan orang tuanya sambil tersenyum. Tak kesahlah apa jua keadaan, asalkan ada Zaed, semua masalah jadi ringan.

USAI membaca surah Yasin, Hanim memandang tepat ke wajah Lana yang berdiam diri.

“Lana tak jawab pun lagi soalan mama.” Senyum Hanim.

“Soalan apa, ma?” Lana berpura-pura seakan-akan lupa tentang perbualan mereka sebentar tadi.

“Lana tak suka ke duduk dengan mama? Mama

Ada Apa Dengan Dia?

tengok, setiap kali abang balik, mesti Lana duduk aje terperuk dalam bilik.”

Lana tersenyum. Ini kali pertama mama bertanya soalan sensitif begini.

“Lana ni macam anak tunggal, kan ma? Macam orang asing. Lana ada mama seorang aje,” ujar Lana perlahan. Air mata yang ditahan-tahan ketika surah Yasin dibaca tadi akhirnya tumpah juga.

Mata Hanim merah ketika memandang Lana.

Inikah apa yang telah dipendam Lana selama ini? Terasa seolah-olah ada batu yang menghempap kerongkongnya sehingga dia tidak dapat berkata-kata. Jujur, Hanim dihimpit rasa serba salah atas kelakuan dingin Aslan dan Firas kepada Lana. Memanglah mereka jarang berjumpa ketika tinggal berasingan dulu, tapi mereka tetap adik-beradik kandung seibu dan seaba.

boleh Firas, anak keduanya mungkin dibahaskan lagi, tapi tidak pada Aslan. Aslan suka memendam dan terlalu susah untuk dia menzahirkan rasa sayang melalui kata-kata. Aslan dan Firas, kedua-duanya masih waras. Bukanlah dingin bermaksud mereka tidak mahu menerima Lana tinggal bersama, tetapi perasaan kekok dan janggal itu selalu sahaja mendominasi.

Hanim lekas menarik Lana ke dalam pelukannya. Dikucup kemas dahi anak gadisnya itu biar Lana tahu betapa kasihnya dia kepada Lana. Perasaan bersalah menerpa dengan segera. Menyesalnya dia bila memikirkan bagaimana dia dan bekas suaminya rela menuruti saja permintaan Lana untuk tinggal berasingan dengan abang-abangnya. Sungguh, dia tidak menyangka hubungan antara Lana dan abang-abangnya akan menjadi begini.

Hanim ligat memikirkan sesuatu untuk mengikat semula tali perhubungan keluarganya agar kembali erat.

Dalam sendu tangisnya, Lana menyampaikan hasrat.

“Mama, Lana nak belajar sungguh-sungguh.

Lana nak *excel* SPM nanti. Lana nak jadi macam Abang Alan dengan Opie. Biar mama, abang dan semua orang bangga dengan Lana.”

Terasa semakin berat kasih dan sayangnya terhadap Lana. Malam itu, Hanim akhirnya tewas. Dia sering digelar ‘wanita besi’ dalam kalangan rakan sekerjayanya, kini rebah dalam esak tangis anaknya sendiri. Biarpun Lana tampak liar dari luar, jiwanya matang dan penuh pengertian. Saling tak tumpah seperti bekas suaminya.

“Mama kena tolong Lana, tau?”

Pantas Hanim mengangguk. Sejajurnya, dia sentiasa menyediakan apa sahaja keperluan Lana tanpa perlu diingatkan terlebih dahulu. Fitrah seorang ibu, mahukan yang terbaik untuk anak-anak. Namun bila Lana menyampaikan hasrat seolah-olah dia bakal berhutang budi kepada ibunya sendiri cukup membuatkan hatinya pedih. ‘Lana anak mama!’ jeritnya dari hati yang paling dalam.

“**BANG**, *special* kerang dengan teh ais dua macam biasa.”
Zaed memesan makanan sementara Dania mencari meja makan yang kosong.

Ada Apa Dengan Dia?

“Ed, *this one here*.” Dani memberikan isyarat tangan sambil memanggil adiknya.

“Nasib baik tak ramai malam ni, kak. Kalau tak, basah jugalah ketiak nak menunggu meja kosong.”

“Itulah, mungkin sebab malam *weekend* kut, semua orang masuk *shopping mall*.”

“*Maybe. Okay, tell me what’s the plan?*” tanya Zaed sambil menyedut teh ais yang baru tiba di meja.

“*Plan* apa? Kerja?” tanya Dani.

“Yalah, takkan *plan* kahwin kut. Cepatlah,” jeling Zaed.

“*Plan* akak, *resign* kerja dengan pusat tuisyen. *For freelance job, still boleh consider*. Lagipun akak dah boleh fokus semula kat *office work*. *Busy* pun tak apa, asal balik rumah boleh terus tidur,” jawab Dani dengan ceria.

Zaed mengangguk kecil.

“Nasib baik ada kereta arwah *mom* dan *dad*, kan kak. Kalau tak, boleh pengsan nak cilok duit mana nak bayar *instalment* kereta *pulak*.”

“Itulah, ni kalau bukan gara-gara pak su, dah lama kita hidup senang. Tak payah fikir pasal hutang,” rungut Dani.

“Akak memang tak nak ke pakai duit *saving dad* untuk bayar *lump sum loan* bank tu? Rumah tu sebulan 2K tau, kak.”

“Tak payahlah, Ed. Duit tu kita pakai kalau kita sesak aje. Sementara kita muda ni, kerja ajelah apa pun asal dapat bayar hutang rumah tu. Lantaklah nak bunga ke, nak buah ke, kita ikutkan aje.”

“Duit tak boleh *bawak* mati, kak.”

“*What if kita mati lambat then? Ada duit tak nak sustain sampai tua? Talk about inflation rate.*”

“*Hmmm.*”

“*We’re privileged tau.*”

“*Us?*”

“*Dad ada tinggalkan saving, right away rumah sekarang ni dah jadi milik kita, rumah kat PJ tu aje... itu harta yang dad tinggalkan untuk kita. Maybe one day kakak boleh nak liquid kan that one but still, it’s not easy. I miss daddy so much.*”

“*Privileged apa, kakak kena bayar half of the monthly instalment, padahal bukan loan nama akak. Dahlah belum boleh move in.*”

Dani tegas dengan keputusannya. Duit peninggalan orang tua mereka biarlah tidak disentuh. Bimbang jika ada masalah lain yang mungkin datang, duit itulah yang boleh bantu mereka kelak. Yalah, dia hanya merancang, selebihnya ketentuan Tuhan. Sudahlah mereka hidup sebatang kara maka dia harus bijak dalam menguruskan kewangan keluarganya.

“Encik Wan tu pun satu. Tahu arwah *daddy* tak sihat, dipaksanya pula beli rumah tu semata-mata dia nak komisen ejen. Benda boleh tunggu, kan,” ujar Zaed tidak puas hati.

Dani hanya berdiam. Teringatkan betapa gembiranya *daddy* lepas tandatangan surat *loan agreement* genap setahun sebelum dijemput Ilahi.

“Dah, makan dulu. Balik ni teman akak pergi pusat tuisyen. Nak hantar surat *resign*,” ujar Dani sebaik pelayan menghantar pesanan makanan mereka.

Ada Apa Dengan Dia?

“Wah, dah siap *resign letter* ke?” soal Zaed.

“Haruslah,” ujar Dani pantas.

“*I’m amazed-amazed*,” seloroh Zaed.

ASLAN menarik kerusi perlahan sambil memerhatikan sekeliling gerai makan itu.

‘Mana Han ni?’ getus hatinya perlahan.

Prangggg! Dengan sekelip mata, meja di sebelahnya terlangkup. Habis berterabur pinggan dan cawan semuanya. Nasib baik plastik, kalau tak mahu pecah berderai. Dia memandang ke arah pasangan itu yang sedang menghamburkan gelak. Telinganya sempat menangkap perbualan mereka.

“Bukan main bersilat, lipas aje kut akak ni...

Buat malu aje!” tegur si lelaki.

“Bang, *sorry* bang! Tadi ada lipas lalu kat kaki saya,” laung perempuan itu sambil mengemas semula meja dan barang-barang yang bertaburan di atas jalan. Tuan gerai yang melihat dari jauh hanya tergelak kecil sambil menunjukkan isyarat ‘okey’.

Aslan menggelengkan kepala, namun akhirnya tersenyum juga. Selamba betul *minah* ni!

Bab 4

PING! Mesej masuk. Lana
mencapai telefon bimbitnya.

*Lana, kenapa kau tak datang tuisyen tadi? -
Fatin*

*Mama aku tak sempat hantar. Meeting dia
habis lambat. Kau ambilkan worksheet aku
tak? - Lana*

*Ada. Esok aku bagi kat kelas. Kau dah tahu
belum pasal Cikgu Dani? - Fatin*

Kenapa dengan cikgu? - Lana

*Tadi dia datang, dia kata malam tadi last
class dia. Next week kelas Fizik kita dengan*

Ada Apa Dengan Dia?

cikgu barulah. - Fatin

lantas Terkejut dengan berita itu, Lana menelefon Fatin. Tak puas hatinya hanya berborak melalui teks mesej.

“Kenapa dia *resign*?”

“*She’s getting busier with office work. So* dia takut tak dapat ikut jadual dari pusat tuisyen kita,” balas Fatin.

“Ala... Tak syoklah Cikgu Dani tak ada.”

“Kan, tapi itulah... Nak buat macam mana?”

Beberapa minit berbual dengan Farah, talian telefon dimatikan. Baru sahaja semangatnya berkobar-kobar untuk menghadapi SPM yang semakin hampir. Lana sangat senang dengan cara Cikgu Dani mengajar. Baginya, di sebalik ketegasan gurunya itu, terselit keceriaan dan sifat keibuan yang menyenangkan.

Bukan sahaja perkongsian tentang subjek Fizik kegemaran Lana menjadi tumpuan utamanya, malah cerita-cerita tentang kehidupan yang sering diselitkan oleh Cikgu Dani sentiasa membuatkan Lana teruja untuk mendengarnya.

“Lana? Tak tidur lagi ke?” tegur Hanim.

Entah bila mamanya masuk ke biliknya, dia pun tak perasan.

“Bila mama sampai? Lana tak perasan pun. Siap dah mandi lagi.” Lana berpaling ke arah Hanim yang sudah lengkap dengan baju kelawarnya.

“Dah lama. Tadi mama jenguk, you tengah solat. Tak naklah mama kacau. Ni kenapa ni? Masam aje muka?”

“Fatin baru lepas *call*, bagi tahu yang cikgu tuisyen Lana dah berhenti mengajar sebab dia sibuk.”

“Laaa... Macam tu *pulak*? Habis tu dah ada guru ganti belum untuk kelas *next week*?”

“Bukan itu masalahnya. Sedihlah, ma. Lana suka sangat dengan Cikgu Dani tu. Dia baik sangat. Lana rasa, *vibe* dia macam Lana tapi *in lady version*,” terang Lana. Semangat betul dia memuji guru kesayangannya itu.

“Lana bukan *lady*?” usik Hanim.

“Lana *damsel in distress*, ma.”

“Macam tu eh?”

Hanim senyum tanda faham. Dia suka bila melihat Lana banyak bercakap seperti sekarang. Baru terserlah perangai Lana yang sebenarnya.

“Amboi, *special* betul cikgu Lana tu. *Jealous* mama dengar.”

Lana tersengih.

“Habis tu, Lana nak berhenti tuisyen ke kalau cikgu tu dah tak mengajar?”

“Lana tak fikir sampai macam tu *pulak*, ma. Tapi kan *best* kalau dia *still* boleh ajar Lana. *Best* ma jadi *student* dia. Dahlah cantik. Lana ni ma, sampai rasa dia tu idola Lana selepas mama. Cantik, baik, pandai, *slang* dia bercakap tu *cute* sangat. Serba-serbi *bestlah!*”

Bersemangat betul Lana menceritakan tentang Cikgu Dani. Hanim yang mendengar pun ikut teruja, apatah lagi Lana yang pernah bergurukan wanita itu.

“Dia tak boleh *cope* dengan *schedule* la tu. *Maybe* dia *still* boleh mengajar kalau *student* yang ikut *schedule* dia. Tak nak *try call* dia *personally*? Mana tahu

Ada Apa Dengan Dia?

dia okey untuk jadi *personal tutor* Lana?”

“*Personal tutor*? Boleh ke, ma?”

“Tanyalah dulu. Ni ada nombor telefon cikgu tak?” Apa yang tak boleh, setakat *home tutor* untuk Lana.

Lana hanya mengangguk-angguk. Hatinya senang kembali.

DANI menyarungkan kemeja longgar berwarna putih dipadankan dengan skirt pensel separa betis. Rambutnya yang panjang ditocang kemas seperti selalu. Sambil menuruni anak tangga, telefonnya berdering. Sempat dia capai cermin mata berbingkai perak.

“*Yes ma’am? Okay, sure.*”

Zaed yang sedang menonton televisyen menoleh ke arah kakaknya, memberikan reaksi seolah-olah ingin bertanya sesuatu.

“*Admin tuition centre, ex student* minta nombor akak. Adalah tu,” balasnya selamba.

“Tak ada kelas ke hari ni, Ed?” soal Dani sambil mencapai kunci keretanya.

“Ada, tapi ganti malam ni. Akak *dinner* sendirilah malam ni.”

“Okey. Kalau macam tu akak balik lambat sikitlah. Boring *pulak* kalau balik awal, tak ada orang kat rumah.”

Tangan Dani pantas dicium Zaed. Begitulah rutin seharian setiap kali berjumpa dan berpisah. Biarpun

sudah tiada ibu bapa yang mengawasi, hubungan mereka sebagai adik-beradik terlihat sangat akrab.

ASLAN membelek wajahnya di hadapan cermin sambil menunggu mi segera yang sedang dimasaknya siap untuk dimakan.

'*Handsome* apa aku ni, tapi itulah... tak reti nak mengurat,' getus hatinya. Tiba-tiba telefonnya berdering. Mama!

"Dah sampai rumah belum tu?" soal mamanya.

Aslan bekerja di salah sebuah firma arkitek di Johor Bahru dan sedang menghabiskan sisa fasa terakhir untuk projek pembinaan di Jurong, *Singapore*. Selalu jugalah dia berulang-alik dari Johor ke Singapura. Kalau tak kerana pengalaman yang ditimba, sudah tentu Aslan dah lama cabut lari. Dia sedia maklum tentang permintaan syarikat-syarikat pembinaan di Malaysia yang memerlukan pengalaman kerja yang kukuh sebelum diterima bekerja dengan pendapatan yang lebih lumayan.

"Dah ma, baru aje nak *dinner* ni." Lantas dia menghirup kuah mi segeranya. Sengaja dibuat-buat agar didengari mamanya. Aslan tersenyum nakal.

"Alan bungkus lauk ke?"

"Makan mi segera aje, ma. Penatlah hari ni. Baru sampai dari *site* kat Jurong tu. Punyalah sesak kat imigresen tadi," ujanya saja memancing simpati.

"Mi segera aje ke?"

"Ha, adalah tu nak sambung apa-apa tu."

Ada Apa Dengan Dia?

“Kesian, mama kat rumah makan ketam masak lemak cili padi.” Hanim selamba mengusik. Geram betul dia dengan perangai anak sulungnya ini. Diajak tinggal bersama di Kuala Lumpur, ada saja alasannya. Barangkali masih terasa hati dengannya.

“Ha, bagus. Masa abang kat sana *bawak* makan kat luar,” rajuk Aslan.

“Baliklah sini. Hari-hari mama masak lauk ketam pun mama sanggup.”

“Yalah tu.”

“Eh, budak ni, kan. Abang, betul ke tak *plan* nak balik KL *for good*? *Uncle Khalil* kawan mama tu asyik tanya pasal you aje.” Hanim cuba memancing.

“Dia tahu pasal projek Alan kat *Singapore* tu.

Balik aje kerja sini. Rumah ni sunyi you dengan Opie tak ada.”

“Tahu *pulak* mengadu sunyi. *Offer* suruh kahwin jual mahal.”

“Ke situ *pulak*.”

“Mama tunggulah. Alan dah hantar surat *resign*. Notis sebulan aje. *Next month* Alan balik KL *for good*. Okey ke tak okey?” balas Aslan sambil tersenyum. Dia masih belum berkongsi berita tentang keputusannya untuk berhenti kerja di syarikatnya sekarang.

“Alan serius ke? Tak beritahu mama pun?”

Hampir saja Hanim melompat kegembiraan. Lana dari jauh sudah gusar membayangkan apa saja berita daripada abangnya.

“Saja nak *surprise*kan mama. Tapi mama asyik tanya aje, dah tak *surprise*lah ni. Seriuslah, ma. Ke mama

acah-acah aje ajak Alan balik KL?” duga Aslan konon merajuk.

“Isy, abang ni. Okey, sudahkan kerja kamu elok-elok. Nanti mama beritahu *Uncle Khalil*.”

“Okey ma,” balas Aslan singkat. Suka betul mamanya.

Aslan teringatkan Lana. Dia yakin pasti dia akan kekok berhadapan dengan Lana. Aslan jarang sekali tinggal lama di rumah. Sejak Lana berpindah masuk ke rumah mama, Aslan yang memang tinggal jauh di Johor Bahru mengambil itu sebagai alasan untuk jarang pulang.

Begitu juga dengan Firas, tugasnya sebagai pelajar *master* memerlukan dia sering keluar membuat kajian. Masa di rumah digunakan untuk menyiapkan tesis. Namun jauh di sudut hatinya, Aslan sangat menyayangi adiknya itu. Tetapi perasaan janggal selalu sahaja mematikan niatnya untuk bernesra.

“ASSALAMUALAIKUM.” Aslan melangkah masuk ke dalam rumah. Lana yang sedang menghidang makan tengah hari tersentak melihat kehadiran Aslan.

“Aduh,” keluhnya. Dia terpaksa menghadap abangnya memandangkan Hanim sedang solat di tingkat atas.

Lana terpandang beg bagasi Aslan yang dibawa masuk bersama dua kotak berisi barang. Aslan akan kembali tinggal bersama mereka... *for good*. Serba salah dibuatnya sama ada mahu menghulurkan pertolongan

Ada Apa Dengan Dia?

ataupun buat tak tahu saja.

Aslan seperti biasa, hanya bereaksi selamba.

“Alan? Dah lama sampai?” Hanim turun menyelamatkan keadaan.

“Baru aje, ma. Mama dah siap masak ke?” balas Aslan sambil mendapatkan ibunya.

“Dah lama dah, tunggu Alan tak sampai-sampai,” gurau Hanim. “Lana, jomlah makan terus.”

Even when we go through changes

Even when we're old

Remember that I told you

I'll find my way back home

Way Back Home – Shaun

Bab5

“ASSALAMUALAIKUM.
Cikgu Dani ke tu?”
ucap Lana di hujung
talian.

“Ya, saya. Siapa tu?” soal Dani.

“Cikgu, ni Lana. Nur Liyana, *student* Fizik Cikgu Dani kat kelas tuisyen.”

“Ya Allah, Lana! Maaf, cikgu tak cam betul suara kamu. Lana sihat?”

“Sihat, cikgu. Sengau sikit, saya baru baik selesema.”

“*Pulak* dah... Sebab tu ke Lana tak datang kelas kelmarin?”

“Taklah cikgu. Ada hal sikit,” balas Lana dengan mesra. “*Hmmm...* Cikgu, saya ada hajat sikit.”

“Apa dia tu? Macam seram aje hajatnya tu.” Dani berjenaka.

Lana tertawa. Cikgunya memang sangat ramah.

“Cikgu, kalau cikgu *free*, boleh tak saya minta

Ada Apa Dengan Dia?

cikgu jadi *personal tutor* saya?” soal Lana takut-takut.

Dani mengangguk kecil. Selang-seli, dia tersenyum. Dani memang suka mengajar Lana. Lana ialah pengajar yang paling fokus di kelas dan dia menunjukkan perubahan paling ketara sejak Dani mula mengajarnya pada awal tahun lepas.

“Terima kasih, cikgu. Saya harap cikgu sudi. Assalamualaikum.”

“Insya-Allah nanti cikgu fikirkan ya, Lana. Waalaikumussalam.”

“**NANTI** you sampaikan salam mama pada *Uncle Khalil*, ya,” ujar Hanim. Cawan berisi air teh diletakkan di hadapan Aslan.

“Eh, mama tak ikut sekali ke?” soal Aslan sedikit cemas.

“Kenapa *pulak* mama kena ikut?”

“Abang ingat mama ikut. Mana tahu nak jumpa sekali dengan *Uncle Khalil*. Segan *jugak* kalau Alan pergi sendiri nanti.”

“Amboi, dah besar panjang, pergi *interview* pun nak mama teman ke?”

“Abang tanya aje.” Aslan tersengih. “Ni ma, Lana dah pergi sekolah ke?” Dia mengerling jam di tangan. Sudah pukul lapan, kelibat Lana masih tak kelihatan.

“Ha, itulah kamu ni... Tahulah dah lama duduk jauh, cuba sesekali balik cuti panjang perhatikan adik tu,”

bebel Hanim.

“*Aik* ma, tanya sikit aje, bukan main dia *corner*.”

“Yalah. You ni... Dah pukul lapan, mestilah dah sampai sekolah. Nak kata bebal, belajar dah tinggi, kerja dah bagus.”

“Haaa, baik sikit. Bukan tak tahu, tapi lupa. Dah lama tak sekolah. Tak biasa.” Aslan cuba pertahankan dirinya.

“Sebab tak biasalah, you kena biasakan. Abang dah dua minggu balik sini tau. Patut dah tahu jadual Lana.”

“*Awkward* la, ma. Lana *pulak* dah remaja macam tu. Dulu *last* Alan rapat dengan Lana *time* tu mulut dia *potpet-potpet*, ma. Sekarang ni, Alan nak tegur pun takut dia mengaum.” Aslan masih lagi dengan *mood* berguraunya.

Hanim tergelak. Pandai juga Aslan *cover line*.

Ada betulnya luahan Aslan sebentar tadi. Lana berubah jadi pendiam sejak menginjak usia remaja. Perubahan hormon mungkin. Tapi perilaku Lana di depan Hanim masih terlihat sebagai seorang yang manja. Ah, biarlah masa yang menentukan. Pokoknya, ketiga-tiga anaknya sekarang ada di depan mata. Itu pun sudah menjadi satu kepuasan bagi dirinya.

“Dahlah, mama nak siap pergi ofis. Hari ni, mungkin mama balik lambat. Alan tahu kan kat mana ofis *Uncle Khalil*?”

Aslan sekadar mengangguk sambil menghabiskan sisa air teh di dalam cawan.

Ada Apa Dengan Dia?

DANI melangkah masuk ke pejabat dengan semangat yang baru. Rakan sepejabatnya masing-masing mengucapkan tahniah, tak kurang juga yang membaham. Dia mengulum senyum. Mana tak seronoknya bekerja dalam persekitaran yang mesra seperti di Syarikat KA Interior & Architect ni. Niat untuk meletak jawatan kelmarin itu datang selepas berbulan-bulan ditimbang tara.

Baru sahaja Dani melabuhkan punggung di mejanya, telefon berdering.

“Assalamualaikum. Ini Cikgu Dani ke?”

‘Wah, ramainya cari Cikgu Dani pagi ni,’ gumam Dani dalam hati. Dani berdehem perlahan sebelum menyambut salam di hujung talian.

“Waalaikumussalam. Ya, saya Cikgu Dani.

Hmmm, boleh saya tahu siapa tu?” soalnya penuh hemah. Nasib baik juga tiada kerja yang perlu disiapkan segera. Sekurang-kurangnya, Dani masih punya masa untuk diluangkan bersama pemanggilnya itu.

“Maafilah mengganggu. Saya Hanim, ibu kepada Liyana. Saya dapat nombor Cikgu Dani daripada anak saya.”

“Oh, tak apa, puan. Tadi pun Lana ada telefon saya dah,” jawab Dani dengan mesra.

“Jadi Lana dah bagi tahulah halnya?”

Dani tergelak. “Dah, puan. Katanya dia minta saya jadi *personal tutor* dia. Tapi betul ke hal ni yang puan maksudkan?”

“Ha, betullah tu. Cikgu Dani dah setuju ke?” soal Hanim.

“Sebenarnya saya tak sempat lagi nak fikir pasal

tu, puan. Lagipun takut sibuk dengan kerja pejabat,” tukas Dani sejujurnya. Sesungguhnya Dani masih mengharap punya peluang mengajar seperti ini.

“Saya faham keadaan cikgu. Saya pun kerja pejabat *jugak*. Tapi itulah, anak saya duk puji-puji Cikgu Dani, saya pun jadi *happy* bila dia semangat nak belajar.”

Dani tersengih malu.

Itu yang seronoknya tugas sebagai seorang guru. Lagi-lagi bila pelajarnya sendiri mengakui akan kualiti pembelajaran yang diberinya. Kalau dapat pelajar dan ibu bapa yang faham akan tugasnya, apa salahnya dia mencuba nasib sebagai guru peribadi pula? Lagipun ada waktu yang dia akan lapang. Kebetulan, Zaed pula bukan selalu lekat di rumah. Lebih-lebih lagi waktu semester kuliahnya baru bermula. Masa terluang pun dapat diisi. Paling penting, poket pun boleh berisi juga.

“Macam nilah puan, saya setuju dan sebenarnya tak ada masalah. Cumanya boleh tak kalau saya yang tetapkan waktu untuk *learning session* tu?”

“Eh, boleh sangat tu, cikgu. Kalau bab tu, nanti saya minta Lana bincang terus dengan cikgu, ya. Tapi tak ada masalah ke untuk cikgu datang ke rumah?”

“Tak ada rasanya.”

“Alhamdulillah, terima kasih sangat, cikgu,” ucap Hanim sebelum menamatkan panggilan telefon.

“Amboi, panjang cerita?” Bakri dari meja sebelah yang baru pulang dari pantri menegurnya. Dia meletakkan sepeket biskut kering di atas meja Dani. “Nah, *breakfast*,” ujarinya.

“Cool la tu?” duga Dani. Lantas dibuka juga

Ada Apa Dengan Dia?

bungkusan tersebut.

“Kau jangan, aku ambil balik baru tahu. Apa cerita tadi?”

“Tak... Aku kan dah *resign* kerja *part-time* tutor tu. Tapi ada sorang *student* aku ni mintak jadi *personal tutor*. Dia faham kut, aku *resigned* sebab tak boleh nak *cope* dengan *schedule*.”

Bakri mencebik.

“Yalah, kelas hari Selasa, kan. Ada sekali tu aku terpaksa *cancel* kelas *last minute* sebab pergi *site* jauh, tak sempat balik *on time*. Tak ke *naya*, *student* dah datang tapi cikgu tak ada,” sambung Dani lagi.

“Aduh... Tu yang susah kalau buat kerja *part-time* tapi terikat dengan *schedule*.”

“Kan.”

“Yang kau ni, *freelance* buat, *part-time* tutor buat, gaji dah tinggi, patut dah boleh pakai Honda dah.” Bakri sekadar bergurau sambil tangannya kembali menekan-nekan papan kekunci dengan laju.

“Haaa, yang ni kasar. Eh, kereta aku tu tercabut *exhaust* pun aku sudi nak pakai lagi tau. Sentimental *value* orang kata. Arwah ayah aku punya kut,” balas Dani tangkas.

“Ya, tahu. Tapi kalau kereta rosak cari aku *jugak*, kan?”

“Ha, ni ungkit-ungkit ni tak ikhlas eh?” duga

Dani. Tangannya ligat dengan kerja seperti Bakri di sebelah.

Bakri sekadar tergelak. Malas dia nak menyambung. Kalau tidak, sampai ke sudah tak selesai.

Lagipun dia memang ikhlas membantu Dani. Dani ialah seniornya waktu di universiti dahulu. Dia diterima masuk di KAIA pun disebabkan Dani yang menawarkan jawatan kosong kepadanya. Atas kebaikan Dani itulah yang membuatkan Bakri tak berkira langsung dengan gadis itu.

ZAED menghidupkan enjin kereta Satria Neonya. Berbanding Dani, tentulah keretanya lebih terjaga. Perempuan ni tahu hidup dan matikan enjin aje. Tak tahu cara penjagaan yang betul. Sebab itu kereta Dani selalu meragam.

“Zaed... Malam ni *on* tak?” Tidak semena-mena, Miji sudah berada di depan pagar rumahnya. Miji ialah kawan yang dikenalnya sejak zaman sekolah menengah lagi. Tinggal berdekatan dengan rumah mereka.

“Apa *pulak* tak *on*? Aku habis kelas dalam pukul 10 malam ni. Jumpa teruslah kat *gig*.”

“Laaa, aku baru nak tumpang kau, takkan nak *bawak keyboard* naik Vespa kut? Mak aku nak pakai kereta malam ni,” ujar Miji selamba.

“Kau naik Grablah. Balik aje naik dengan aku. Malas ah nak patah balik dari fakulti. Taman ni dahlah kecil. Buatnya kakak aku nampak, banyak *pulak* soalan dia nanti.”

Sungguhpun Zaed rapat dengan Dani, masih ada batas perkara yang tidak perlu sampai ke pengetahuan kakaknya itu. Biasalah remaja, lelaki pula. Namun begitu, Dani faham dengan minat Zaed terhadap muzik.

Ada Apa Dengan Dia?

Sangkanya, setiap kali Zaed pulang lewat, adiknya itu sekadar meluangkan masa bersama rakan sekuliahnya, bermain muzik seperti biasa.

“Cun, jumpa malam nanti,” balas Miji.

Bab 6

“**K**AKTIA, *busy* ke?” Dani menempeldi tepi pintu bilik Tiara.

“*Busy jugak. Itengah draf proposal ni. What’s up?*” soal Tiara sambil matanya masih melekat ke arah skrin komputer.

Dani melangkah masuk ke bilik. “*Nothing, just to make sure. Kalau design proposal untuk projek residential skala kecil, I kena minta bos proceed dulu ke? Tak, kan?*”

“Tak perlu. *Unless* kalau projek tu *personal client* dia *then* you kena *propose* dekat dia dululah. Itu pun I rasa tak perlu.”

“*I see.*”

“Tapi kalau you nak dan kalau dia *free*, you tunjuk ajelah *proposal* tu. Dia kan suka kalau ada *interaction between* dia dengan staf.” Tiara masih lagi meneliti skrin komputernya.

“Oh, *no thanks*. Kalau tunjuk mesti ada aje *part*

Ada Apa Dengan Dia?

yang nak kena *amend*,” balas Dani jujur.

“Suka hati youlah. Lagipun dia ada *guest* kejap lagi. *Better you proceed* aje terus projek tu.”

“*Alright*,” balas Dani ringkas.

Dani kembali ke kubikelnya lalu mengemas segala lukisan dan fail yang perlu dibawa untuk ke tapak projeknya sebentar lagi.

“Dani, *wait!*” laung Tiara.

“Huh?”

ASLAN memandang jam di pergelangan tangannya. Dia masih ada kurang 30 minit sebelum sesi temu duganya bermula dan saat ini, keretanya sudah pun diparkir berhampiran dengan syarikat Encik Khalil. Di dalam kereta, dia membelek-belek portfolio hasil kerja tangannya. Aslan seorang yang teratur. Segalanya telah dia sediakan dengan perancangan yang rapi. Dia tak sukakan perubahan dan keputusan yang mengejut. Kerana itulah, dia akhirnya membuat keputusan untuk meletakkan jawatan di syarikat lamanya, satu keputusan yang telah dirancang dengan rapi sejak sekian lama. Tidak mungkin dia sewenang-wenangnya meninggalkan projek emas syarikat begitu sahaja.

Dia kembali memandang jam dan terus melangkah keluar dari kereta menuju ke KAIA. Setibanya di pejabat, keadaan sekeliling diperhatikan. KAIA bukanlah firma arkitek yang besar, tetapi menurut cariannya di laman sesawang, KAIA mempunyai portfolio

yang mempamerkan hasil kerja dan bekas klien yang tak kurang hebatnya. Kemudian Aslan dibawa Nina untuk ke bilik Encik Khalil.

“Sihat?” soal Encik Khalil sambil mendepakan tangan sebaik sahaja Aslan muncul di muka pintu biliknya. Aslan dipeluknya erat. Sudah lama dia menganggap pemuda itu seperti saudara sendiri.

“Sihat alhamdulillah. *Uncle* apa khabar?”
Perlahan-lahan Aslan membalas.

Setelah bersalaman, Aslan melabuhkan setelah bersalaman, Aslan punggung di kerusi berhadapan meja Encik Khalil. Serba salah dibuatnya. Tidak kesahkah Encik Khalil dibahasakan sebagai ‘*uncle*’ di pejabat sendiri? Adakah ini sedikit sebanyak telah melanggar protokol dalam syarikat? Tapi kalau nak dipanggil dengan panggilan ‘encik’ sebagai pangkal namanya, bunyi terlalu formal pula.

“Alhamdulillah, macam nilah, Aslan. Biasalah dah tua ni macam-macam penyakit datang.”

Aslan tersenyum. Lantas dia menyampaikan salam daripada ibunya. Mereka berborak mengenai kisah peribadi sebelum Aslan menghulurkan portfolionya yang dicetak menyerupai senaskhah majalah.

“Rajin kamu buat macam ni,” puji Encik Khalil. Kulit majalah itu dibeleknya sebelum dia meneliti isi kandungannya.

Aslan tersenyum bangga. Tak sia-sia dia menganggur dua minggu dan menggunakan masa itu untuk mengemas kini segala hasil kerjanya selama bergelar pelajar dan pengalaman bekerjanya sebagai arkitek muda. Belum apa-apa dia sudah dipuji.

“Sebenarnya *uncle* tak payah tengok portfolio ni

Ada Apa Dengan Dia?

pun tak apa. Tapi dah dalam bentuk macam ni, seronok juga tengok. Bila kamu boleh mula kerja ni?”

“Huh?”

“Bila nak *start* kerja dengan *uncle* ni?”

“Kerja?” Aslan terpinga-pinga. ‘Semudah itukah?’ soalnya dalam hati.

“Banyak berangan kamu ni.” Encik Khalil

tertawa. Dia seorang yang ramah dan suka bergurau. Dia faham situasi Aslan sebentar tadi.

Semuanya berlaku begitu pantas buat Aslan. Dia sangka akan ada banyak perkara yang bakal ditanya oleh Encik Khalil, meskipun dalam hatinya dia yakin lelaki itu tetap akan menerimanya bekerja di syarikat tersebut.

“*Uncle* tak ada soalan untuk saya?”

Encik Khalil menggeleng sambil matanya masih tertumpu ke arah portfolio Aslan yang dilihatnya sungguh menarik. Tiba-tiba dia teringatkan hasil kerja salah seorang pekerjanya. Jika dilihat dengan teliti, gayanya menyerupai satu sama lain. Komposisi susunan hasil kerjanya kemas, bahasa yang digunakan juga meyakinkan. Reka cipta bukan hanya dilihat melalui hasil kerjanya saja, tetapi juga melalui penyampaian.

“Kelmarin, *uncle attend conference* dengan *our people* dekat *Singapore*. Kebetulan duduk sebelah *JB’s infamous architect*, David Goh. Bos kamu kan tu?”

“Haah. Macam mana *uncle* tahu?”

“Dia ada *mention* pasal *his company’s latest project under government movement for homeless in Jurong*. *Uncle* memang *familiar* dengan *government projects* ni. Lagipun kalau tak silap, projek ni *one of*

favourite pick for design of the year.” Air kopi dihirup perlahan.

“Hanim pula pernah cerita yang kamu tengah sibuk dengan *project homeless shelter* dekat Jurong. Terus *uncle* dapat tangkap.”

“Ada *few companies* yang *joins the venture project* tu sebenarnya.”

“*I know*, tapi *preliminary phase* kan *started from David Goh’s company*. And dia *mentionlah* pasal *this young trainee architect* yang betul-betul *get himself invested in this project*, sampai dia *recruit that guy* masuk *company* tu *right after* dia *graduate*.”

Aslan tersenyum. Dia sedar, *Sir David* sangat mengambil berat atas segala ulasan dan juga idea yang diketengahkan olehnya sepanjang dia menjadi anak buahnya dahulu. Dan tentulah dia yakin, orang yang dimaksudkan oleh *Sir David* adalah tidak lain dan tidak bukan dirinya sendiri. Gembiranya bukan kepalang apabila dalam kalangan ramai pekerja yang terlibat, dirinya juga yang disebut-sebut oleh bekas majikannya, David.

“Youlah tu, kan?”

Aslan mengangguk segan. Tapi seboleh-bolehnya dia cuba menahan senyum. Takut kelihatan seperti riak pula.

“*At that time, I was way too eager, uncle. Excited* sebab *it’s really an exciting project*. Lagipun bagus untuk portfolio saya dan ternyata, memang banyak pengalaman yang saya dapat. Dua tahun saya kerja di sana sejak *graduated*. Saya belajar banyak ilmu baru,” jelas Aslan.

Ada Apa Dengan Dia?

“Sebab tu *uncle* tak silap nak *recruit you in this company. We need a young architect* macam kamu ni. Yang boleh bawa masuk *fresh design and new idea for us together hit the market*. Kes you ni sama macam seorang *designer* kat *firm* ni. *Uncle* *recruit* dia lepas buat *internship* kat sini. *She’s very clever.*”

“*Thanks, uncle. Saya ni mentah lagi, tapi I will always give my best.*”

“*That’s the spirit I wanted to hear from you.*

Congratulations Lan, welcome to our firm.” Encik Khalil menghulurkan tangan untuk bersalam.

Seraya itu Aslan menyambut huluran tangan Encik Khalil. Tidak apalah jika syarikat KAIA ini belum sama tarafnya jika nak dibandingkan dengan syarikatnya ketika dia bekerja di Johor dahulu. Aslan yakin syarikat anak Melayu seperti kepunyaan Encik Khalil ini juga mempunyai peluang yang cerah untuk bergerak seiring dengan syarikat ternama yang lain suatu hari nanti.

“**KENAPA** ni?” soal Dani sambil tangannya mencapai tas tangan yang disimpan di dalam laci meja kubikelnya.

“You nak ke mana ni?” Tiara cekak pinggang.

“Oh, *by the way* Tiara I lupa nak beritahu you.

Pagi ni I kena pergi *site* dekat Laman Seri tau. Kalau you nak *any updated drawings* untuk projek Sutera Height tu, you boleh minta dekat Bak. *He knows everything.*” Sempat Dani berpesan kepada Tiara sebelum dia beredar.

“*I see. Actually, just let you get the gist yang I*

nak you *join in a new special project, under* Encik Khalil. Tapi tak apa, you *settlekan* kerja you dulu. *We will talk about this later. No worries.*”

Dani “*Great, later.* Okey, I pergi dulu.” melangkah pantas dengan segala macam fail yang diijitnya. Sempat dia mengerling jam di dinding pejabat. Sebenarnya dia sudah terlambat ke tapak projek dan lebih teruk apabila mendapat pesanan ringkas daripada kontraktor bahawa kliennya yang super menjengkelkan tiba-tiba ingin berjumpa dengannya.

‘Klien itu pembawa rezeki, Dani. Jangan mengeluh!’ jeritnya dalam hati.

ASLAN mengangkat tangannya sebagai tanda berterima kasih kepada Encik Khalil. Sejurus Encik Khalil masuk kembali ke dalam biliknya, Aslan meneruskan langkah untuk pulang. Perbincangan mengenai persetujuannya untuk bekerja dalam KAIA berjalan dengan lancar.

Bayaran yang ditawarkan oleh syarikat juga agak memuaskan dan sebenarnya melangkaui imajinasinya.

Mujurlah syarikat ini sudah stabil maka mereka tidak teragak-agak untuk memberikan bayaran yang bersesuaian dengan kelayakan para pekerja. Jalannya tenang. Terasa lapang hatinya apabila semuanya sudah selesai. Dia tersenyum sendiri. Tiba-tiba...

Bukkk!!!

“Hahhh!!!” Dani terjerit nyaring. Habis fail yang diijitnya jatuh ke lantai.

Ada Apa Dengan Dia?

“Aduhhh...” Aslan lekas menekup bahunya yang tiba-tiba terasa kebas selepas berempuh dengan seseorang sebentar tadi. Terasa ingin menjerit marah kerana terkejut dan sakit yang datang secara tiba-tiba, namun dia berjaya mengawal emosinya. Dahinya berkerut menahan nafas berat yang berombak-ombak. Dia sempat mengerling ke arah pintu bilik pejabat tadi. Mujur tiada sesiapa di situ.

“Hsss...” Dani menggosok-gosok bahunya yang juga terasa kebas. Terlupa sebentar pada fail-fail yang bertaburan tadi. Dia juga mengerutkan dahi. Nasib baik dia cepat sedar kesalahannya apabila berjalan dengan tergesa-gesa sebentar tadi. Menyesalnya bukan kepalang.

“Maaf, encik. Salah saya.” Cepat-cepat Dani meminta maaf. Dalam kekalutan itu, dia mengumpulkan isi fail yang berteraburan. Tangannya masih lagi menekup dada yang berdegup kencang akibat kejutan. Sesak nafas dibuatnya.

Dalam marahnya, Aslan bingkas membantu wanita yang melanggarnya tadi. Walaupun masih sakit hati, terubat juga rasa marahnya apabila wanita itu masih bersopan untuk meminta maaf.

“Lain kali jalan tengok depan,” tegur Aslan lembut.

Dani mencebik dalam hati. Tahu, ini pejabat kita! Dani sempat memerhati lelaki yang dilanggarnya. Pakaianya kemas semacam, terasa macam cerminan gayanya. Nak kata klien, tak mungkin lah kerana rupanya yang nampak masih muda. Ketika itu Dani terpendang majalah bersaiz A4 yang dibimbit lelaki itu.

Hmph, wakil supplierlah ni!

“Thanks. Again, I’m so sorry, ya.” Dani

membalas dengan senyuman. Padahal dalam hati sedang menyumpah seranah atas perkara yang baginya tak perlu berlaku. Cepat-cepat dia berlalu meninggalkan lelaki itu yang masih terkebil-kebil.

Aslan bingkas bangun. Matanya mengekori langkah gadis tadi. Dengan gelagatnya yang kelam-kabut itu, Aslan sempat berharap supaya dia tidak perlu berurusan dengan gadis itu sepanjang dia berkhidmat di dalam syarikat ini kelak. Aslan kan lelaki yang teratur, dia kurang gemar untuk bertoleransi dengan perkara-perkara yang bakal menjadikan dia huru-hara.

Bab 7

Imbas kembali

“AKU bukan tak sukakan kau.
Kau tahu aku ada Hadi,
an,” ujar Hanim

penuh berhati-hati.

Khalil terkedu. Hanim ialah cinta pertama dan terakhir baginya. Namun hasratnya pula ditolak mentah-mentah.

“Aku harap kau faham. Aku tak nak hubungan baik kita dikecewakan dengan perasaan yang salah. Kau sayangkan aku sebab aku selalu ada untuk kau. Suatu hari nanti kalau kita berjauhan, semua tu akan berubah. Percayalah Khalil.”

Imbas kembali tamat

KHALIL tersenyum tanpa sedar memandang jejak

tampan di hadapannya. Kenangan lamanya bersama Hanim kian menjauh, dibawa arus masa. Aslan mempunyai iras wajah Hadi, jejak yang berjaya menambat hati Hanim suatu ketika dulu.

dengan 'Anim, aku ikhlas Aslan
disebabkan perasaan aku pada kau,' bisik Khalil dalam hati.

"Assalamualaikum semua." Khalil bersuara.

"Saya kalau boleh nak tunggu semua orang ada, baru nak mula. Tapi itulah, klien ni tak semua boleh tunggu kita. Saya perasan ada muka-muka dari *department* lain yang tak ada tapi kita teruskan ajelah. *Leave some of the foods for those who will come back later*, insya-Allah kalau ada rezeki kita buat *compulsory dinner to welcome our newest brother here*, Aslan." Khalil memberi sepatah dua kata. Jamuan makan tengah hari adalah ritual wajib setiap kali KAIA menerima ahli baru.

"*Alan, come introduce yourself*," ajak Khalil separuh paksa setelah menyedari dia kesuntukan masa. "*Come, make it quick*."

"Assalamualaikum. Hai. Saya Aslan Hadi, boleh panggil Alan *for short, doesn't matter. Nice to be part of you guys. I have a lot to learn and hope we can be the best team mate for each other*, insya-Allah," ucap Aslan singkat dan lancar.

"Wah, betul-betul pendek. *Come on, Alan. Some more?*" Pantas Jo, rakan baru sebelah meja kerjanya melaungkan soalan.

Aslan tersengih malu sambil menggaru-garu tengkuk yang tidak gatal. Menampakkan sebaris gigi yang tersusun rapi.

Ada Apa Dengan Dia?

Khalil juga nampak senang. Dia memang mendidik pekerjaanya supaya sentiasa ramah dan bersifat terbuka. Paling penting untuk selalu *encourage* pekerja lain.

“Okey, cukuplah untuk saya. Saya minta diri dulu. *You guys boleh take some time off today. But make sure to get everything coveredlah.* Borak boleh, janji kerja jalan,” ujar Khalil sambil menepuk bahu Aslan lalu menarik sekeping piza dan secawan Americano sebelum berlalu pergi.

PING!

Pesanan ringkas diterima, Tiara bergegas kembali ke kereta dan memecut laju.

Dania, you okey tak? - Tiara

Tak. - Dani

Sebaik tiba di hadapan Dani, Tiara menarik gadis itu ke dalam pelukannya. Gadis itu terlalu muda untuk hilang segala-galanya. Petang itu langit PJ gelap bersama hujan renyai bagai memberi solidariti buat Dani. Ruang legar IJN yang menyesakkan juga terasa begitu kosong. Sekosongnya hati Dani.

“I tak ready hilang mom. I miss my daddy, Miss Tia. If only he’s here with me...”

Habis basah bahu kemeja Tiara dengan air mata Dani.

Tiara masih teringat saat Dani *struggle* berulang-alik dari IJN ke studio saban hari untuk menggalas tanggungjawab sebagai anak dan pelajar tahun akhir. Cuti semester pula Dani memilih untuk bekerja dengan KAIA. Kalau dulu Dani panggil Tiara dengan gelaran *Miss Tia*, panggilan formal buat pensyarah muda di universiti. Meniti tahun yang penuh dengan memori, Dani dan Tiara menjadi akrab lebih daripada hubungan seorang pendidik dan pelajar.

Dari panggilan *Miss Tia*, seorang pensyarah muda yang juga merupakan *supervisor* tesis Dani, menjadi Cik Tia, pekerja senior di dalam KAIA, kemudian menjadi Kak Tia jika terasa ingin bermanja, juga boleh jadi TaTia sewaktu ingin bergurau. Apa pun nama panggilan seorang Tiara, dia siap menjadi pelindung buat Dani, si *damsel in distress*. Dani meletakkan Tiara si *girl crush*, *role model* buatnya. Sebab itu Dani sentiasa memberi peluang buat dirinya untuk buat yang terbaik dalam hidup.

*If you're lost you can look and you will find
me*

Time after time

*If you fall, I will catch you, I'll be
waiting*

Time after time

Cyndi Lauper – Time After Time

Bab 8

“**Y**^u *cancel* ajelah *appointment* dengan klien kedekut macam si Nazir tu. Maserati dua biji, Bentley, Porsche bukan main bersusun tapi bab nak bayar *designfee*, liat semacam. Punyalah banyak alasan dia.”

“You okey ke, Khalil? Nanti *last-last* I juga yang kena.” Kenal sangat dia dengan perangai bosnya yang seorang ini. Datang angin monsun dia, mahu terlingkup satu pejabat. Encik Khalil senyum malu.

“Habis tu, kalau total kos tiga juta dia boleh *accept*, kita *as consultant* cuma *charge* empat peratus aje kut. Takkan nak *charge* 20K aje, rumah besar macam tu? Logik la sikit.” Sempat juga menjawab. “You *decidelah* sendiri, Tia. *Talk to your design team.*”

“You gila ke nak I *cancel*? *Designer* semua pecah kepala, mata rabak nak kejar *deadline*, takkan nak *give up* klien macam tu.” Tiara mengeluh. “Pandailah I kejar nanti.” Kelat senyumannya. Masak betul dengan perangai

Encik Khalil ni. Tahulah Nazir tu *ex-schoolmate* senior dia. Ni kes segan nak tagih *payment*lah tu.

“Ni bila you nak *brief project* baru tu?”

“Yes, petang ni, insya-Allah. Kalau I boleh sampai *on time*. Ingat, I need *Dani’s thoughts on this so she’ll be part of this project*, ya.”

“Hei, dah ada arkitek baru pun nak Dani ke? *She’s already got so much on her hands* la.”

“Mestilah, *I need her view as an ID. Her interpretation skills are chef’s kiss... Bukan semata interior construction* aje,” ujar Encik Khalil.

Dia kembali teringat perbualannya bersama Dani suatu ketika dahulu saat Dani mula bekerja dalam syarikatnya.

Imbas kembali

“I tak bayar *part-time*. You tahu kan kerja dalam industri ni, *timeline* projek tu lama. *I can’t afford to have someone* yang kejam-kejam masuk, kejam-kejam keluar dari *company*. So...”

“*I haven’t graduated yet and knowing that this is a very challenging industry, I believe I need to prepare myself before I do. It doesn’t matter how much you pay me, Encik Khalil.*”

“Susahlah Dania, I tahu you pernah *intern* kat sini...”

“*Exactly. You know I’ll never slack off. I have*

Ada Apa Dengan Dia?

good years ahead of me and you know I have the potential to grow... in the hands of you and Miss Tia."

"Ahu... This is wrong already. You gotta do it for you, not because of us."

"I need a good platform and... a team, sir."

Encik Khalil diam. Perlahan-lahan dia membaca riak muka Dani.

"It's a proven fact that I can survive juggling my time in the studio and IJN these past few years. Despite the challenges, I've consistently made the Dean's List every semester. I lost both of my parents and as the eldest sibling, I am now the sole breadwinner for my younger brother. I am hungry, Encik Khalil."

Terasa hela di hujung nafas Encik Khalil. Ya, setiap orang harus diberi peluang.

"Your salary will be the same as that of a permanent staff member, but you'll be required to work here for a minimum of three years after graduation. Deal?"

"Deal."

TIARA menguap. Sambil-sambil itu dia membelek kertas kerja dari fail projek baru yang disebut Encik Khalil pagi tadi. "Nak start terus ke, tunggu dia dulu?" soalnya sebaik Encik Khalil dan Aslan masuk ke bilik mesyuarat.

"Tunggu ajelah. Kang nanti tertinggal gerabak, payah nak brief dari awal," ujar Encik Khalil sambil mencapai sebotol air mineral di hadapannya.

Aslan pula masih terkulat-kulat di tepi. Staf barulah katakan. Masih belum kenal setiap wajah di situ. Sekejap-sekejap dia mengerling jam di tangan.

“You tengok dia okey tak tu? *Busy* ke dia hari ni?”

“Sangat. Tapi okeylah dia dah tak sentuh *3D and drawings* pun sikit-sikit aje. Takut *social battery* dia *drained* ajelah hari ni. *Full day liaise* dengan *contractor* kat site,” balas Tiara.

Tidak lama kemudian pintu bilik mesyuarat dikuak oleh Dani. Dia melihat ada tiga susuk tubuh manusia di situ. Salah satunya seorang lelaki berwajah *alien*. Maksudnya, lelaki yang tak dikenali tapi macam pernah jumpa.

“Okey tak *site meeting* tadi?” Encik Khalil memandangnya, begitu juga dengan Tiara dan seketul *alien* tadi. Terasa bagai dirinya mencuri perhatian ketika itu.

“Okey, Encik Khalil,” balas Dani. Kemudian dia terus duduk dan mulakan agenda mereka hari itu. *Briefing session* selesai dalam tempoh dua jam, lewat satu jam daripada *plan* asal seperti yang dijanjikan oleh Encik Khalil. Dani dan Tiara sudah biasa. Jam menunjukkan pukul tujuh malam, hampir masuk waktu maghrib.

Sebelum keluar dari bilik mesyuarat, Tiara bersuara. “Dani.”

“Huh?”

“Kenapa you *blur* semacam hari ni?”

Encik Khalil dan Aslan berbalas pandangan.

Ada Apa Dengan Dia?

“Aaa, siapa?” soal Dani perlahan sambil ekor matanya melirik ke arah Aslan. Sejak awal perbincangan, Dani cuma tersenyum kelat. Malas nak berurusan dengan orang asing sebab tak ada masa nak bersuai kenal. Mungkin anak buah Encik Khalil.

“Aslan? You belum pernah jumpa Dani ke?” Tiara menyapa.

“Sorry?”

“You pun tak kenal Dani?”

“Aaa...” Teragak-agak Aslan menjawab.

Dani sekadar menggeleng. Kertas-kertas yang mengandungi info projek sebentar tadi dirapikan perlahan.

“Aslan, Dania ni *our design manager* tau.

Department ID kita kecil aje. Kita baru aje *set up in house ID department in recent year*.” Tiara tergelak. “Ya Allah, sepanjang *briefing* tadi kita *confident* dia orang dah kenal, kan bos.”

“Itulah... Patutlah dua-dua *selenga* habis.” Encik Khalil ikut ketawa. “Inilah masalah budak muda, susah nak buka mulut bertanya.”

Dani tersenyum malu.

“Dani, ni Aslan, *our newly added architect*. You *busy* sangat ni. *Last week* you tak ada ke masa *lunch get together* tu?” soal Encik Khalil.

“I ada MC *last week, bos*. Mungkin masa tu kut.”

“Teruk lagi ke?” Encik Khalil buat muka mengambil berat seolah-olah sudah biasa.

“*What to do...*”

Encik Khalil mengganggu sambil menepuk belakang Aslan. “Banyak masa lagi boleh kenal-kenal ni.” Dia memandang jam di dinding. “Dah masuk waktu ni. Jomlah solat jemaah dulu sebelum *sign off*.”

Mereka yang lain hanya mengganggu kemudian terus keluar dari bilik mesyuarat.

Dani melangkah masuk ke bilik surau berukuran 9x7 kaki yang digunakan bersama oleh staf lelaki dan perempuan. Dani cuma nampak Aslan.

‘Ah sudah, mana Encik Khalil ni? Tadi kata nak jemaah,’ omel Dani dalam hati. Telekung dipakai lambat-lambat.

Aslan pandang ke belakang. Hanya ada Dania. Ah sudah, mana Cik Tiara ni?

“Makmum?”

Teragak-agak Dani mengganggu. “Imam?” soal Dania.

“Bos dapat *emergency call*, dia terus balik.”

Dani angguk. “Cik Tia cuti, ada kat luar.”

Aslan mengganggu lantas berpaling perlahan-lahan menghadap kiblat.

“Allahuakbar.”

Bab 9

LANA menyambut Dani di muka pintu. “Cikguuu... Nasib baik *on* “*Hello girl*. Macam mana *test* tadi, okey?”
“Okey sangat. Jom *dinner* dulu. Mama buat

lasagne.”

“Wuuu... *Bestnya*. Mana mama?”

“Ada kat atas. Kejap lagi turunlah tu.”

“Dania... *Looking so pretty today*.”

Dania mendapatkan Hanim. Tangan Hanim dikucup lembut. Senang sekali dia dengan wanita ini. Dani teringat permintaan Hanim sebelum ini ketika dia mengajar Lana buat kesekian kali.

Imbas kembali

“PANGGIL mama ajelah. Umur pun sebaya aje dengan abang Lana...” ujar Hanim pada sesi kedua kelas Lana. Dania hanya tersenyum lebar. Hanim ialah seorang ibu yang sangat baik, memahami, sporting dan tenang. Tidak salah dia memilih untuk menggalas tugas mengajar Lana. Sangat menyenangkan.

Imbas kembali tamat

LAMUNANNYA pecah.

“Eee, *looking good* apa? Tak sempat mandi lagi,” balas Dani. Jam menunjukkan pukul lapan malam.

“Dah solat belum? Solat dulu kat atas.”

“Dah kat ofis tadi. Macam biasa.”

“Lain kali kalau dapat *sign off* awal, terus aje datang sini, solat kat sini, nak mandi terus pun tak apa. *At least* dapat rehat-rehat sebelum masuk waktu. Boleh sembang lama sikit.”

“Insya-Allah mama...” Dania menyua lasagne ke mulut. Terus matanya dipejam rapat. “Sedapnya mama masak!”

Lebar terus senyuman Hanim. “Kalau sedap, nanti mama bungkuskan bawa balik. Buat *breakfast* esok pagi.”

“*Thank you*, mama..”

Lana bahagia. Paling bahagia. Hadirnya Cikgu

Ada Apa Dengan Dia?

Dani dalam rumah ini serba sedikit membibitkan rasa senang dalam hatinya. Lana dah ada kawan bercerita sambil itu dapat skor *paper* Fizik juga. Selalunya malam Sabtu agak membosankan. Abang-abangnya balik lewat sebab malam minggu. Sungguhpun tak rapat, sekurang- kurangnya rumah terasa berpenghuni mengisi kesunyian dalam hati Lana.

“Thanks cikgu.”

Malam itu mereka cuma ulang kaji latih tubi yang diberikan oleh guru kelas Lana. Berbaki lima bulan lagi sebelum SPM menjelang. Lana memerlukan tunjuk ajar serta tip daripada Dania.

“Drive safe, okey. Esok ni panaskan aje dalam microwave, ready to eat.” Hanim menghulur beg kertas berisi semangkuk lasagne.

Dania mengangguk. *“Thank you, mama,”* ucap Dani sebelum bersalaman dengan Hanim. Kemudian kereta Dani meluncur perlahan melalui kejiranan itu.

“ALAN, ke mana aje pergi? Dah makan?” Hanim dari jauh bertanya. Aslan meletakkan beg kerjanya di atas sofa lalu menuju ke meja makan.

“Dah. Makan dengan Opie tadi.” Kelibat Firas menyusul dari sebalik pintu sambil bersiul-siul membimbit beg kertas.

“Memang janji ke?”

“Haah. Katanya nak cari bola futsal.” Tudung saji dibuka.

“*Apasal* tak ajak kita orang?” jeling Hanim tajam.

“Bukan Lana ada kelas ke tadi? Mama nak tinggal?” Aslan mencerlung. Pelik-pelik aje mama ni. Suka buat teruk. Senang betul nak cari bahan gaduh.

“Mama masak lasagne? *Apasal* tak cakap?!” Firas dari tepi cepat-cepat mengendeng Aslan. “Teruknya tinggal *one portion*. Hoi Alan, *sharelah!*”

“Aku nampak dulu!”

“Mama, *apasal* tak tinggalkan ekstra?” soal Firas dengan muka masam.

Hanim hanya tersenyum sambil menggeleng perlahan melihat telatah anak-anak lelaki. Dah besar panjang pun perangai macam budak-budak berebut makanan. *Haih...*

DANI turun dari kereta Suzuki Vitaranya. Kereta lama berwarna putih tapi masih nampak terjaga. Jaga luaran bolehlah... Enjin, ciri keselamatan, entah siapa yang tahu. Banyak kali juga Bakri menyerlang memintanya tukar kereta baru. Kereta lama, haruslah banyak ragamnya.

Dia mendongak ke langit. Pagi Sabtu yang redup, seronoknya kalau dapat bangun lambat. Tak apalah, bekerja separuh hari setiap hari Sabtu minggu kedua dan keempat setiap bulan. Tak ada apa yang nak dikejar pun kat rumah tu.

Malam tadi dia menerima pesanan ringkas di dalam grup WhatsApp.

Ping!

Ada Apa Dengan Dia?

KAIA Project x Ilham Seni – 12 Participants.

Tia - Paging for everyone. Dani, Alan and I, we're going to an art gallery hopping around KL tomorrow at 10 AM for research purposes. Entrance fees will be on the company.

Tia – Those yang nak join are welcomed.

Bak – I'll pass. Haha.

Jihan – Me too.

Tessa – Count me out.

Boss – Cik Tia, I nak ikut kalau lunch free.

Tia – You exceptional, boss. Kalau you ikut, lunch is on you.

Boss – Haha... Have fun, guys.

Bing! Lamunan Dani serta-merta terhenti. Pintu microwave ditarik. Semerbak bau lasagne pemberian

Hanim semalam. Penutup plastik dari bekas kaserol dibuka. “Banyaknya mama bekalkan...” ujanya perlahan.

“Bakkk! Jihan!” laung Dani. Bergegas Bakri melangkah masuk. Diikuti Aslan yang sememangnya menuju ke pantri bersama mug di tangan.

“Eh, ya. Alan, Bak, *breakfast* jom? I ada lasagne. Banyak ni, tak habis seorang makan.” Dani menyiapkan pinggan untuk setiap seorang.

Macam *deja vu*. Aslan mencapai piring berisi lasagne dari tangan Dani. Masih kekok dengan Dani, tapi inilah peluang untuk dia mengenali wanita itu *a.k.a* *valuable player* dalam projek yang sedang berjalan. Raut wajahnya lembut, cantik.

“*Morning...*” Bakri memandang Dani atas bawah kemudian memandang Aslan pula. “Hah, *expected*. Dani, Alan, kalau *outfit* tak *coordinate* memang tak sah. Macam berjanji.” Selamba Bakri menyapa tapi Bakri tak salah. Bakri mencapai sepiring lasagne terus melangkah keluar dari pantri.

“Eh, you nak pergi mana?” soal Dani laju-laju. Tak pasal-pasal dia rasa janggal tinggal berdua dengan Aslan.

“Makan kat depan PC. I tengah nak *render* 3D.”

“Duduklah sini makan sekali.”

“Tessa dah tunggu aku tu.”

“Kau jangan *offer* Tessa *pulak*. Dia tak makan *beef!*”

“Ya!” laung Bakri dari jauh.

Ada Apa Dengan Dia?

“THANKS imamkan I, Aslan. Kat *office* ni selalu aje jemaah mana yang tersaing... Dah alang-alang kongsi surau.”

“*Nothing big*,” balas Aslan. Kemudian mereka terdiam sekejap sebab rasa janggal. Kedua-duanya sedang melipat sejadah.

“You... Boleh panggil I Alan. *Sorry* tak *greet* you. *No idea* yang kita ni *colleague*.”

“*No worries*. Aslan yang ni tak garang macam singa, kan?”

“*No worries too*. Nama aje Aslan *but I have Peter’s blood, King of Magnificent*.”

“Perasan.”

Pandai Aslan berbalas sembang. Dani senyum. Cantik menampakkan sebaris gigi yang tersusun. Betullah *magnificent*, Aslan manis orangnya. Nampak seperti dominan di sebalik sisi yang menyenangkan. Itupun setakat apa yang diperhati sekitar waktu perbincangan tadi.

“Panggil I Dania boleh... Dani pun boleh.”

Mereka tersenyum. Aslan angguk tanda faham.

“Nak panggil *princess* pun boleh,” sambung Dani. Walaupun sekadar nak beramah mesra, terasa nak pukul mulut sendiri. Suka betul tercapak benda yang tak perlu. Nasib baik *mamat* kat depan tu bantai gelak.

KENANGAN ketika mereka berjemaah di surau hilang. Momen berdua seperti ini memang paling tidak disukai oleh Dani. Tambahan pula, ini kali pertama dia bersemuka dengan Aslan sejak insiden jemaah di surau tempoh hari. Sebagai seorang *introvert*, Dani memang sukar mencari topik untuk berbual apatah lagi dengan orang baru dan sebaya dengannya. Hendak berdiam diri, terasa janggal pula, sedangkan selepas ini mereka akan *outing* bersama.

“Makan. Okey tak?”

“Sedap sangat. Masak sendiri?”

‘Tekunnya Alan makan, macam kesian. Lapar sangat ke?’ soal Dani dalam hati.

“Mama bekalkan.”

“*I see...* Anak manja ni... Mak bawakan bekal.” Aslan sekadar mengusik. Disua sudu ke mulut. Sedap betul rasanya. *Familiar*.

“*I missed her.*” Entah kenapa terluncur perkataan itu. Sayu hati Dani tiba-tiba.

“Langkah kanan betul. Semalam *my mom* pun buat ni, berebut I, tak cukup.” Aslan sambung lagi. “Rasa pun macam sama, rezeki I. *Thanks.*” Sedaya upaya Aslan menyusun kata. Kalau boleh dia tak nak tersalah kata. Yalah, sebagai orang baru haruslah dia berhati-hati dalam bercakap. Kena ambil hati pun ya juga. Lagipun dia akan selalu berjumpa dengan Dani, maka *chemistry* harus dicari supaya sepanjang kerja nanti tak ada masalah komunikasi.

“*My pleasure.*”

“*By the way*, kita *carpool*, kan? I *drivelah*,” ajak Aslan.

Ada Apa Dengan Dia?

“Bukan kita naik dengan Tia ke?”

“Tia tunggu sana. Bos tarik dia ikut *meeting* sekali dengan majlis pagi ni. *Emergency* katanya.”

“*Okay then.*”

Like a river flows

Surely to the sea

Darling, so it goes

Some things are meant to be...

Elvis Presley – Can't Help Falling In

Love

Bab 10

“E^{XCUSE} me.” Dani ketawa kecil. Terjentik juga hatinya mengingat semula kisah yang berlakudi beberapa galeri seni yang mereka kunjungi tadi.

“Excuse you.” Aslan ikut ketawa. *“Sejak first time I jumpa you, I dah perasan sebenarnya. Malas aje nak cakap, nanti you awkward.”* Dia memusing lembut stereng kereta, berlalu dari kotak parkir.

“You jangan, colleague KAIA tu bab mengusik memang nombor satu. Bak tu aje, cekap dia lain macam.”

Seraya Dani teringat kisah lucu apabila satu *department* mengusik nak jodohkan Encik Khalil, si bujang terlajak dengan klien baik hati Datuk Suraya, orang kuat syarikat permotoran ternama di Malaysia yang juga ibu tunggal anak dua. Hampir menjadi, tapi Encik Khalil kata dia takutkan perempuan yang dominan. Yalah tu, mana mungkin takut kalau Datuk Suraya sendiri yang rajin membelikan cenderahati setiap kali pulang

Ada Apa Dengan Dia?

melancong dari luar negara.

“You percaya sangat Encik Khalil tu. *Trapped in first love story* dia tu,” ujar Tiara suatu ketika dulu.

Dani kembali memandang Aslan apabila lelaki itu bertanyakan soalan.

“So you ada nak *suggest lunch* kat mana?” Sekali lagi Aslan tersenyum senget. Menggeleng-geleng kepala yang tidak pening. Bersungguh-sungguh dia mengelak daripada berdua dengan Dani, gadis cantik yang mungkin menimbulkan salah faham. Namun, perkara itu harus diketepikan. Kerja tetap perlu dijalankan secara profesional.

“You jangan gelak-gelak. Haaa... I tengah geram ni.” Jeling Dani tapi ikut ketawa juga. Soalan tadi dibiarkan tak berjawab. Sedar tak sedar, Dani berasa selesai dengan Aslan. Mungkin ya, Aslan juga rajin bersembang. Ada saja topik yang boleh dibualkan.

“I *pulak* yang kena.” Sempat dia memandangi Dani sekilas. Manis. “Cik Tia yang *cancel meet up*, bukan I tak bagi dia datang.”

dia “Yalah, sudahnya kita berdua aje. Ada bolehlah juga sumbangkan *thoughts* untuk *case study* tadi.”

“*Things happen for a reason*, cik adik...” Lembut saja Aslan menjawab. “You tak nak jawab soalan I tak apa. *Is Japanese food alright?*”

“Yes, sir.” Suka benar hatinya. Tak perlu banyak tanya, seolah-olah Aslan tahu-tahu saja selera tekaknya waktu ini.

Keadaan di kafe itu tidaklah terlalu sesak, tetapi

hampir semua meja tetap dipenuhi pelanggan. Mungkin kerana hari hujung minggu.

"Rose for you, miss." Pelayan membawa minuman dan makanan yang dipesan dengan sekuntum bunga ros.

"Sorry?"

"Owner's anniversary. They treated every couple here with roses. It's an annual event," ujarnya sambil meletakkan gelas ke atas meja.

"Awww... Really? Next table tak dapat pun?" Perlahan saja dia menyoal sambil mengerling ke meja sebelah kanan.

"Roses for couple, scented candles for those who came alone."

Serta-merta Dani memandang Aslan yang sudah tergelak nipis. Dia juga mengurut dahinya perlahan. *"Thank you, so sweet of them."* Elok Dani berhenti berbunyi dan ya kan sahaja. Terasa janggal pula tiba-tiba. *"You guys look so pretty together."*

Mereka saling tersenyum lagi. Mungkin sudah dapat mengagak apa ayat seterusnya yang bakal keluar dari mulut pelayan itu. Dan ternyata, telahan mereka tepat.

Sambil meletakkan piring terakhir, pelayan itu sempat bersuara. *"Nice matching outfit. Enjoy your food."* Satu pujian ringkas sebelum dia berlalu.

"Thank you."

Suasana di meja itu terasa janggal, diselubungi satu perasaan yang sukar digambarkan. Bukan daripada penerima bunga ros sahaja, tetapi kedua-duanya.

Ada Apa Dengan Dia?

"I've told you." Aslan bersuara memecah sunyi. Dia menyepit beberapa *edamame* dan diletakkan ke atas piring di hadapan Dani.

Dani tidak membalas kata-kata Aslan. Dia kembali teringat momen yang berlaku sepanjang hari itu bersama Aslan.

Imbas kembali

"Ramai dating couple yang suka datang sini. It shows they have good taste and at least tak adalah dating solely for romantic feelings. Gallery visit ni best tau," ujar gadis meja depan di Gallery 01 sambil menerangkan pelan galeri tersebut.

"But we're not..."

"Not yetlah tu, outfit dah matching. Couple aje yang suka berjanji-janji ni," ujarinya yakin.

"Miss, we are..." Kata-kata Dani terhenti apabila bahunya dicuit Aslan.

"Jom?" Keningnya terangkat sedikit.

"Thank you, we'll take that as a compliment.

Excuse us, we'll enjoy touring." Aslan tersenyum sopan, meminta diri.

Dani hanya mengangguk kecil dan mengekori langkah Aslan. Aslan sebenarnya mendengar keseluruhan perbualan tadi, tapi cepat-cepat dia mengabaikannya. Lelaki ini tak suka banyak bunyikah?

"I liked your outfits. You guys are cute."

“Pretty couple, here’s your complimentary drinks.”

And these sweet comments go on.

Imbas kembali tamat

MENJADI seorang pereka membuatkan Dani memiliki gaya berpakaian yang tersendiri. Penampilannya sentiasa kemas dan minimalis. Warna serta gaya yang dipilih juga selari dengan identiti rekaannya sepanjang dia berkecimpung dalam bidang ini.

Dani mempunyai matlamat yang jelas dalam kerjaya dan hasil kerjanya. Maka, tidak hairanlah Encik Khalil begitu menghargai mutu kerjanya. Yang menarik, Encik Khalil dapat melihat secebis bayangan Aslan dalam diri Dani. Malah, mungkin ‘secebis’ itu pun satu perkataan yang kurang tepat kerana persamaan antara mereka sebenarnya cukup banyak.

Dani Ya, sejak pertemuan pertama lagi, menyedari bahawa dia dan Aslan memiliki gaya yang serupa. Setiap kali terserempak di pejabat, kalau tidak warna, mesti padanan bajunya lebih kurang sama dengan apa yang dipakai Aslan. Dia tidak tahu sama ada Aslan perasan perkara yang sama tapi dia tidak pula terasa ingin meluahkan. Dia hanya menerima dan menghayati yang mereka mempunyai *taste* yang sama.

“Rakyat Malaysia ni memang manis mulut, kan. Biasalah tu ambil hati *visitors*.”

“Betullah tu.” Tidak tahu dari mana puncanya

Ada Apa Dengan Dia?

tapi diam-diam Dani berharap Aslan menyenangi komen-komen tadi sebab jiwanya turut berbunga.

“But it feels nice,” gumam Aslan seraya mematikan lamunan Dani.

“What do you mean?”

“Getting those nice comments, meant for my ‘plus one’ and me.”

“Oh wow.”

“It feels nice,” ulangnya untuk kesekian kali.

Bab 11

“**Y**au, kau tidur sini tak?”
“Mestilah *sister*...
Tidur nanti, sibuk nak
facetime aku sampai subuh.” Azalea meletakkan tas
tangan di atas sofa kemudian berlalu ke dapur mencapai
piring kosong. Pisang goreng panas dihidang bersama air
suam.

Begitulah kebiasaannya jika Zaed tidak pulang bermalam di rumah. Kadangkala Zaed sendiri yang akan meminta Azalea atau lebih senang dipanggil Yaya untuk temankan Dani. Biasalah, budak lelaki, ada sahaja sesi *overnight* kat rumah sewa kawan yang lain. Dani izinkan sahaja. Kalau terlalu dikongkong, takut-takut Zaed tak mampu nak hadapi dunia luar. Dani akur, mereka hanya hidup berdua. Zaed dan dia harus mencari sisi lain untuk dijadikan tempat bersandar pada saat lelah sepertimana Tiara dan Azalea ada setiap kali diperlukan.

“Macam tu aje Cik Tia sidai kau?” Yaya mencapai sekeping pisang goreng yang dibelinya tadi. Asal datang

Ada Apa Dengan Dia?

lepak di rumah Dani mesti pisang goreng yang dibelinya.

“Berminyaklah, mintak tisu tu.”

“Kalau tak nak minyak, lain kali beli pisang rebus.” Dani menghulur tisu dapur dan segera menjamah apa yang terhidang sambil mencari-cari siaran TV yang menarik untuk ditonton.

“Eh, sambunglah cerita. Cik Tia tak cakap apa-apa ke lepas tu?”

“Tak, itu yang aku geram. Cik Tia pun, dia gelak-gelak aje masa aku *call* tu,” rengus Dani. “Boleh dia kata dia kasi *chance* aku dating berdua. Tak kelak, ya.”

“Eee... Kau ni pun serius sangat. *Mamat* tu okey tak? Soalan penting, *handsome* tak?”

“Dia okey aje. Kalau dia *annoyed*, tu aku yang tak okey.”

“*Handsome* ke tidak?” Yaya ulang tanya.

“Ya, kalau aku sebut nama dia ni, aku rasa mesti kau kenallah.”

“UIA?” duga Yaya.

Angguk Dani perlahan. Masakan dia tak dapat mengagak, Aslan cuma muda satu tahun daripada Yaya dan mengambil jurusan yang sama dari universiti yang sama.

“Kalau ya, mestilah sama fakulti? *Course* apa? *Archi*?” soal Yaya laju.

Dani angguk lagi. “Aslan.”

“Aslan Hadi? Alan?”

“Hmmm...”

Yaya tersentak. *Well well, what a surprise.*

“Kenal sangat. Lambat lima bulan aje dia. Kalau tidak, memang aku perang dingin dengan dia kat KAIA tu,” ujar Yaya sambil menjeling. “Menyesal aku *resign* awal. Teringin juga nak *face to face* dengan dia tu...” Pisang goreng dikunyah laju-laju.

“Pusing-pusing kan, *circle* kita ni sama aje sudahnya,” sambung Yaya lagi.

“Yalah, *construction industry* kan, bukan besar mana pun dalam KL ni.” Dani merenung Yaya seakan-akan menagih yang terkurang. Agak-agak Yaya dapat baca tak riak muka tu?

“Ni nak apa pandang-pandang macam tu? Nak korek cerita?” Yaya menjeling tajam. “Kau jangan cakap kat aku kau dah *catch feelings* eh. Bukan dengan *mamat* tu. *I’m watching you, Dani.*”

Ah, sudah. Belum apa-apa kawan sendiri dah tolong pangkah. Tapi tidaklah sampai dia sudah jatuh hati kepada Aslan. Cuma ya, dia akui Aslan itu sejenis manusia yang menarik dan setakat yang dia perhati, Aslan baik orangnya. Ramah, bijak, pandai toleransi. Tapi kalau Yaya yang *easy going* pun dah mula tegak tengkuk ni, tak lain, mesti ada cerita yang tak sedap didengar.

“Ada apa-apa yang aku patut tahu ke?”

Yaya tarik nafas panjang, sengaja nak bagi Dani dengar. “Kau jangan sesekali tangkap cinta dengan dia, ya. Aku cakap awal-awal ni, aku memang pangkah *mamat* tu.”

“*Mamat* apa... Alanlah.”

“Dia tu junior Han. Zaman *study* dulu memang selalu mengendeng Han. Aku pun *confuse*, macam dia pulak *girlfriend* si Farhan. Berkepit memanjang. Lepas tu

Ada Apa Dengan Dia?

dengar kata dia *dumped girlfriend* dia kat tepi jalan lepas gaduh. Masuk akal tak? Main tinggal tepi jalan. Tak ke bahaya?" cerita Yaya separa berbisik. "Tak *gentle* betul," sambungnya lagi.

"Apa kaitan dengan Abang Han? Han, Farhan?"

"Yalah, dengan Han *boyfriend* aku tu la. Han mana lagi? Fokuslah, Dani. Aku malas nak ulang ni." Cerita makin panas, kalah pisang goreng panas tadi.

"Alan tu hasut Han tinggalkan aku lepas dia *break up* dengan ex dia. Tu lagi tak masuk akal. Dia yang tak *happy*, lepas tu nak ajak orang lain sama hidup serabut macam dia," marah Yaya bukan kepalang.

"Han sendiri cakap Alan hasut ke?"

"Taklah, tapi cara Alan tu, macam nak Han sama *single* macam dia. Aku memang geram dengan dia tu. Macam Han tu *boyfriend* dia *pulak*, *clingy* semacam."

"Sampai sekarang ke dia *third wheeling*? Han ada *explain* tak?"

"Han cakap aku *overthink*, marahlah aku dia *side on* Alan. Nasib baik, lepas *grad* aje Alan terus kerja kat JB. Sejuk sikit hati aku."

"Lah... Tapi Han okey aje, kan? Ni sampai sekarang aku tengok okey aje *korang*. Dah nak tunang dah pun," pujuk Dani. "Alan ada buat hal lagi ke?"

"Han okey, dia *convince* aku macam-macam. Pasal Alan tu, zaman U dululah. Sekarang *diorang still meet up* macam biasa, mengopi tapi tak adalah *clingy* macam dulu. *Busy* kerja kut. Lagipun Alan tahu aku tak suka dia." Yaya tilik air muka Dani. "Kau baik-baik dengan dia. Kawan boleh, bercinta jangan," rengus Yaya perlahan.

Dani hanya mengangguk tanda faham. Tak perlu soalan tambahan lagi. Risau imej baik Aslan yang dikenalnya semakin memburuk. Biarlah dia kenal Aslan The Magnificent yang bekerja dia KAIA sahaja. Tak perlu menghakimi kisah silam mahupun memerhati masa depan lelaki itu.

Dani diam membungkam menuju ke dapur membawa plastik kotor. Satu per satu apa yang disampaikan Yaya tadi perlu dicerna untuk dihadap. Baru sahaja dia selesa dengan rakan kerja barunya, ada saja yang tak kena. Sepintas ingatannya melayang pada perbualan mereka semalam. Adakah lelaki itu sekadar bermulut manis?

“But it feels nice.”

“What do you mean?”

“Getting those nice comments, meant for my plus one and me.”

“Oh wow.”

“It feels nice.”

Sungguhlah macam ada banyak rama-rama dalam perut waktu tu. Rasa nak ketuk kepala sendiri, padahal mungkin juga perkataan itu sekadar meluncur laju dari bibir tanpa bermaksud apa-apa.

Dani, kau tak *desperate*, kan? Tapi kenapa terasa berbunga sangat waktu Aslan cakap macam tu? Dani mencebik.

“Dani!” laung Yaya dari sofa di depan TV. Dia perasan juga Dani diam sejak tadi.

“What?”

Risau juga Yaya kalau-kalau Dani tersalah

Ada Apa Dengan Dia?

sangka, berfikir bahawa dia suka memburuk-burukkan orang.

“Kau jangan ambil serius sangat tau. Tu cerita lama. Aku *emo* tadi. Tapi... *better be careful*, kan?”

Entah kenapa, di hujung perbualan itu, timbul pula rasa kecil hati terhadap Yaya walhal Yaya cuma berkongsi kisah lama tentang Aslan. Tapi entah, kata-katanya terasa benar-benar mengena. Apa yang Yaya cuba sampaikan, jelas satu peringatan. Bukan untuk

menyakitkan hati, tapi untuk menyedarkan. Masakan dia tak mahu ambil peduli? Yaya cuma mahu dia lebih berhati-hati. Nampaknya, Dani tetap perlu meletakkan jurang antara dirinya dan Aslan. Apa boleh buat...

“*Hmmm...*” jawab Dani ringkas. “Aku oder piza *for dinner!*” Cepat-cepat dia sambung. Kalau boleh, dia tak mahu Yaya perasan apatah lagi terasa hati dengan sikap diamnya tadi. Yaya tak bersalah pun. Dan tak mungkin dia sanggup membelakangkan keprihatinan Yaya semata-mata kerana seorang lelaki yang baru dikenalnya.

Bab 12

DANI merenung pelan rumah di hadapannya. Ada projek *simple*, tak perlu lukisan tender yang menyerabutkan kepala otak. Cukup-cukuplah projek di tangan yang masih berjalan. Nasib baik dia dikurniakan *design team* yang sangat cekap. Dah faham tugas masing-masing. Di hadapannya ada Bakri, si *sidekick* yang cekap mengendalikan perisian 3D dan juga Tessa, junior *designer* di bawah bimbingan Bakri.

“Tiga orang *finalizekan* 3D dan *prepare draft technical drawing*, in two weeks cukup masa tak? *I’ll get somebody to help Tessa*. Banyak *details* ni, but draf aje dulu.”

“Cukup kut, Dani. Tapi memang aku takkan sentuh projek lainlah cerita dia. Tessa *on hands* ada Palm Residence *under* Jihan. Tapi boleh *back to back* rasanya dengan *this one*,” ujar Bakri lancar sebelum merenung pelan rumah di hadapan Dani.

Ada Apa Dengan Dia?

“Okey tak ni?” Sempat dia mengerling ke arah Bakri. Dani menyoal sambil tangannya laju melakar susunan perabot. Dia mahir dengan pelan rumah kediaman seperti itu dan juga banyak belajar dari projek-projek sebelumnya.

“Okey... Tapi, *tiga floor* tu... keras sikit la nak *complete design in two weeks*.”

“Sorry, Bak. Klien memang nak terus *finalize so* memang kena *meet deadline but good thing is, confirm minor changes* sebab *once* kita siap draf, dia nak terus *start wet work. He’s okay*. Dia dah tengok *result from* Laman Seri hari tu. *Something similar* macam tu tapi kena *cater space* dialah.”

“Faham...” Bakri angguk namun fikirannya masih menerawang, berkira-kira entah berapa kali maghrib yang harus ditunaikan di dalam pejabat untuk projek kali ini. Sah kena *stay back*. Hujung minggu ni pulun jalan dengan awek sebab dua minggu nak ‘berkubang’ kat ofis ni.

“Nantilah aku *try arrange* dengan Sham kut aku boleh pinjam Hana *for extra hands*. Diorang pun tengah sakit juga tu, dapat klien cerewet. Pening kepala semua *project manager* terpaksa campur tangan,” sambung Dani cuba mencari solusi. Tessa di hadapan sekadar angguk-angguk tanda faham. Entah ya ke tidak.

Ada “Tess, faham tak? masalah kena *communicate* tau. Jangan diam aje.”

“I okey!” jawab Tessa yang sentiasa bersemangat.

Dia tak tahu lagi, cukup setahun kerja kat KAIA ni *confirm* mengadu nak *quit*. Projek banyak!

DANI merapat ke tingkap meninjau-ninjau ke kawasan parkir kereta dari tingkat tiga bangunan itu. Dia mencari- cari kereta Merc Coupe warna putih milik Tiara. Ada hal penting yang harus dibincang sebelum balik. Jam menunjukkan pukul 6.30 petang.

“Cik Tia belum balik ofis ke?” bisiknya sendiri. Nampaknya kereta Aslan masih di situ. Tadi Tiara pergi *site visit* dengan Aslan dan Jo.

Sebut tentang Aslan, sudah seminggu dia tak dapat bersembang mahupun berjumpa untuk sesi kritik projek sejak berbual dengan Yaya tempoh hari. Setakat terserempak dan berbalas sapaan. Ah, baguslah begitu... Ada baiknya. Dani kembali teringat niat asalnya mencari Tiara.

“Text ajelah asalkan dia *informed*,” gumam Dani sendiri. Jemarinya menyusun satu per satu kertas di atas meja diskusi. Tiba-tiba telefon bimbitnya berbunyi.

Bak? Dia mengerling ke arah meja Bakri. Pelik. Yalah, Bakri baru aje turun tadi.

“Dani kereta kau kena *clamp*.”

“Alamak, kau kat bawah ke tu? Ada *guard* tak kat situ? Kau tahan kejap, Bak. Aku dah nak gerak ni. Malam ni ada tutor.” Cepat-cepat Dani mencapai tas tangan dan tergesa-gesa turun. Boleh mati sempit macam ni.

ALAMAT *cancellah* kelas malam ni kalau tak kerana Bakri. Masakan nak batalkan kelas. Si budak Lana tiap hari merungut minta diajar teori cahaya. Yakin betul

Ada Apa Dengan Dia?

kononnya topik tu melekat masuk dalam kertas *trial* SPM nanti.

“Aku hantarkan ajelah, Dani. Dah pukul berapa ni baru nak cari Grab. Kalau tak *jem* tak apa. Malam minggu ni. Aku *offer* sekali aje.”

“*I owe you, Bak. Monday’s lunch will be on me.*
Kau cakap aje nak apa.”

“Aku nak Wagyu,” ucap Bakri selamba.

“*Stupid.*”

“**AMBOI**, *boyfriend* ke tu?” Laju betul Hanim menyampuk padahal baru aje melangkah keluar dari kereta. Kebetulan dia sampai rumah betul-betul ketika kereta Proton Gen 2 warna biru Bakri meluncur pergi. Sempat juga dia menjengah pemandunya.

“Taklah. *Officemate*, ma. Kereta ada masalah sikit tadi. Itu yang dia tolong hantar. Sekali jalan.”

“Ni baru masuk waktu, dah solat?”

Pintu utama terbuka dari dalam. Lana dah menyengih tunggu sambil mengunyah buah epal.

“Ha, Dani ingat nak tumpang solat kat sini boleh tak? Tadi kelam-kabut takut jalan *jem* lagi.” Dani mendapatkan Lana.

“Ya, dah berapa kali mama pesan, balik kerja, terus datang sini. Solat, mandi semua kat sini. Tak payahlah you kelam-kabut nanti.”

Dani tergelak malu. Kemudian dia terus

bersalaman dengan Lana.

“Sekarang cuti, kan? Lana tunggu kat bawah *please?* Mama dah *order food for dinner*. ETA lagi *ten minutes*. Mama dan Kak Dani nak siap-siap solat, sayang.”

Lana sekadar mengeyakan. Pintu ditutupnya semula.

“Kak Dani masuk aje bilik Lana.”

“Haah, jom naik dulu. Nanti mama bagi baju ganti.”

Setelah masuk ke dalam bilik Lana, sempat Dani memandang ke sekeliling. Bilik Lana dihias cantik serba coklat muda.

“Siap-siap. Nanti kita *dinner* sekali.” Dari luar, Hanim menghulur tuala bersih dan sehelai kaftan batik Terengganu warna biru muda yang masih dalam lipatan sebelum dia mengunci pintu dari dalam.

Pintu bilik air ditolak perlahan. Belum sempat Dani mencapai tombol pintu bilik air untuk dikunci...

“Aaa!!!”

“Mama?!”

terpaku. Dani tersentak. Kaki seakan-akan Cepat-cepat dia menekup muka. Di hadapannya ada sekujur tubuh lelaki dewasa. Nasib baik bukan singa. Hanim yang mendengar jeritan Dani terus bergegas mendapatkan Dani. Begitu juga Lana yang mendaki tangga laju-laju.

Gila! Hampir gugur jantung dibuatnya. Yang dia pasti, tubuh itu adalah tubuh lelaki. Nasib baik tak pakai cermin mata. Boleh trauma macam ni.

Ada Apa Dengan Dia?

“Dania? *Hey, is that you?*” Aslan menarik tangan Dani. “*Hey, don’t worry.*” Cepat-cepat dia membetulkan prasangka si Dani. Aslan bukan orang minyak mahupun singa dan paling penting, dia masih bertuala. Itu saja yang Dani perlu tahu. Cukup.

“Aslan?”

“Mama kenal Dani?”

“Abang kenal Dani?”

“Mama kenal Aslan?”

ASLAN mengimamkan solat maghrib malam itu. Dia pun tak sangka, kebetulan yang seakan-akan terlalu mustahil. Malam itu menjadi bulan ketiga Dani menjadi tutor Lana dan itulah kali pertama dia bertembung dengan Dani di rumah. Selama ini, malam minggu menjadi ritual sesi meluangkan masa sama ada dengan Firas adiknya ataupun Farhan, senior di universiti dulu. Tak cukup jam 10 malam, memang tak akan nampak kelibatnya di rumah. Macam dah lama sangat tak balik KL rasanya. Balas dendam betul dia. Aslan teringat kembali peristiwa huru- hara yang berlaku di rumahnya tadi.

Imbas kembali

“**ALLAHUAKBAR...** Dani okey tak? *So sorry...* Mati-mati

kitorang ingat abang belum balik. Mana kereta you, bang?”

“Abang tinggalkan dekat ofis. Dari *site* tadi masing-masing terus balik. Semua dah barai. Tak larat nak singgah ofis.” Aslan memandang tepat ke arah Dani. Terlalu banyak kebetulan yang terjadi antara dia dan Dani.

Imbas kembali tamat

“Sorry pasal tadi.”

Dani bersuara. Lamunan Aslan terus terhenti. Malam pekat begini jalan raya masih tak lengang dengan kenderaan. Entah kali seberapa Dani harus ditinggal berdua dengan Aslan.

“And...”

“And?”

“Thanks, hantar I balik.”

“Hmmm... *It's okay*. I tak berani nak lawan kata mama tadi. Lagipun memang dah lewat malam,” balas Aslan sambil mata masih fokus pada pemanduan. Dia teringat kata-kata Hanim sebentar tadi.

“Abang, boleh tolong hantar Dani lepas kelas ni?” soal Hanim separa berbisik. “Katanya tu nak naik Grab. Mama risaulah, bahaya *pulak* dah malam-malam ni,” ujar Hanim perlahan sambil menonton siaran berita.

“Dengan abang tak bahaya ke ma?” Aslan mengusik.

Ada Apa Dengan Dia?

“Kalau abang buat hal, senang kerja mama. Kalau orang lain buat hal, susah mama nak cari.”

Aslan hanya sengih. Mamanya memang pandai menjawab.

“*First time* I tengok you pakai baju kelawar.

Comel.” Aslan membetulkan duduknya. Ada nafas berat yang segera ingin dilepaskan. Terluncur keluar laju dari mulut kata pujian yang baginya tak perlu diluahkan. Terlalu awal untuk bermain kata? Mungkin. Tapi sungguh, Dani cantik sangat di matanya. Rambut yang masih lembap dibiarkan jatuh, dengan cermin mata lagi... *such a Heather*. Terasa macam VIP bila dapat melihat sisi lain seorang Dania yang selalunya bergaya moden dan *minimal*.

“Mestilah *first time*. Tak pernah lagilah dibuat orang pergi ofis pakai baju kelawar.” Dani menjeling. Ketawa Aslan pecah.

“*Wow, not bad...* Pandai menjawab ni.”

Dani pun ikut ketawa. Senangnya dia dengan Aslan yang bukan singa jelmaan dari Narnia ni. Sekilas tercuik hatinya dengan rasa bahagia. Bakri si *visualizer* yang kakak, Sham si pengurus projek yang *sado*, Ehsan yang sama *Architect Part II* dan beberapa teman sepejabat yang lain pun lelaki juga. Tapi tak pernah terlintas pun rasa damai begini setiap kali disapa.

Big trouble, Dani. Ingat pesan Yaya. Cepat-cepat dia menggeleng seakan-akan rasa bahagia itu tercampak jauh.

“*Anyway, thanks to you too.*”

“Sebab?”

“*Share lasagne* mama hari tu...” Aslan tersengih.

“*Am I wrong?*” sambungnya lagi.

"No."

Pecah ketawa mereka. *Damn it!* Dani yakin rasa bahagia tadi datang singgah semula.

'Cause you were out of my league

All the things I believed

You were just the right kind

*Yeah, you were more than just a
dream*

*Out of My League – Fitz and The
Tantrums*

Bab 13

BILIKEncik Khalil riuh-rendah dengan ketawa. “Iterkejut buli Dania. You ni Dani, main sembarang aje, kan?”

“Manalah I tahu ma...” Dani terdiam. Tak naklah sampai bosnya tahu yang dia dah mula panggil Hanim dengan panggilan mama.

“Manalah I tahu Puan Hanim kenal you, bos. Tak pasal-pasal *kantoi* I buat *part-time*. Bencilah.”

Tiara pun ikut ketawa. Dia kenal sangat dengan Hanim. Selalu jumpa kalau ada jambori seni bina antara universiti. Sama-sama dalam bidang binaan, memang pusing-pusing muka yang sama sajalah. Lebih-lebih lagi kedua-duanya merupakan pensyarah. Walaupun berbeza kampus, tetap selalu jumpa nak-nak lagi kalau ada *conference*.

MINGGU itu terlalu sibuk. Bakri sibuk menyiapkan sisa terakhir untuk projek tempoh hari. Si Tessa yang kelmarin begitu yakin, mulai menunjukkan ciri serabut petala lapan. Sham hari itu cakap nak pinjamkan Hana untuk tolong Bakri buat 3D tapi *hampeh*, dengan Hana sekali sibuk sebab klien *request major changes*. Jihan awal-awal dah kena pangkah sebab asyik ada masalah dekat tapak projek sekali gus kena ulang kaji perjanjian asal. Apa boleh buat, *client always right* katanya. Kesian Bakri, dah beberapa malam berkampung di ofis. Dengan Dani sekali kena ikut teman. Takkan nak main tinggal aje anak buah buat kerja sendiri. Nasib baik *team* lain pun sama sibuk, sama berkampung. Tidaklah rasa tertekan sangat.

“Lusa aje ni, Dani. Kau tak stres ke?” ulang Bakri berkali-kali. Jari-jemarinya laju menekan papan kekunci. Lancar tapi di dalam kepala hanya Tuhan saja yang tahu.

“Aku boleh lagi ni tapi PC ni, kalau meletup, aku tak jamin.” Celopar sungguh mulut masing-masing. Nak-nak *deadline* dah dekat, semua kepala jadi *tingtong*.

“Kau diam, Bak.” Dani juga serabut menyiapkan senarai inventori, ditambah dengan Tessa yang tiba-tiba *burnt out*. Disuruhnya *take five* turun cari angin dekat bawah ofis.

“Nanti lepas *present*, kita *all out* ya, Bak. *All out* tidur,” pujuk Dani.

Bakri cuma menyengih. “Aku nak *claim* Wagyu.”

“*Waklu*,” balas Dani geram.

“*Busynya officemate* kita.”

Itu dia... Datang dah *officemate* dari tingkat bawah. Aslan dengan kopiah yang dikepit di celah ketiak

Ada Apa Dengan Dia?

datang menyibuk. Dah hampir tiga bulan dia di sini, dah pandai serasi dengan kawan sepejabat. Walaupun berlainan tingkat dan *department*, Aslan kerap juga naik ke atas. Sebab surau, pantri berdapur dan bilik mesyuarat utama berada di tingkat atas.

Melihat Dani tidak menjawab sapaannya, dia mengurut tengkuk Bakri. “Dah masuk waktu, maghrib dululah. Solat dulu, kerja boleh tunggu. *Take five*,” ajak Aslan.

Bakri menyengih.

“Dani?”

“Ya...” Mata Dani masih ditala ke skrin komputer.

“*Rest* dulu. Jemaah sekali, alang-alang ni.”

“You solat dulu dengan Bak,” jawab Dani pendek.

“Dania...” Ditekan sikit suaranya.

“*Coming...*” Rasa nak marah sebab Aslan seakan-akan mendesak. Tapi, Aslan cuma ajak jemaah sekali. Aslan ni suka buat orang rasa bersalah! Cepat-cepat dia berlari ke surau. Masa itu emas!

Lepas solat terasa kepala yang serabut tadi kembali segar. Ada pun masa nak duduk bersebang sekejap.

“*Busy* sangat ke orang tu?” tanya Dani sekadar berbahasa. Mulutnya masih berzikir.

“Cukuplah kut hari ni. Tapi rasa macam nak *stay back*. Teman orang tu,” jawab Aslan. Sejadah ditarik perlahan lalu dilipat kemas.

“Orang mana?”

Bakri di penjuru surau memasang telinga. Dia

tersenyum-senyum sendiri. Tengok gaya macam Aslan ingin mengurat Dani. Kelakar sebab Dani mana pandai bercinta. Berapa kali dah dia dengar kes lelaki yang kena pangkah dengan Dani. Nampak aje moden si Dani ni, tapi memang susah nak diajak bercinta. Tinggi sungguhlah dinding emosi gadis itu. Setakat ini belum ada yang dapat lepas.

tolong “Apa barang teman-teman, kena sekalilah.” Bakri bersuara dari kejauhan. Keningnya dijongket. “Lepas *meeting*, kita ketuk Dani belanja Wagyuu.”

“Bak, *waklu* lah.” Dani menjeling. Geram betul dia dengan Bakri. Sengaja Bakri ulang-ulang dengan Wagyuu tu. Saja mengusik. Paling tidak pun Dani belanja *Japanese steamboat* seperti kebiasaannya.

“Boleh Bak, kau nak aku tolong apa? Untuk kau semua boleh,” sahut Aslan selamba.

“You jangan berani *offer*. Dalam kepala I ni dah *ready* semua dah.”

“I pun berani buat apa... You ingat I main-main?”

“Alan tolong aku *render*!” Bakri memintas.

Seperti mengantuk disorongkan bantal, malam itu Aslan menawarkan diri membantu Dani, Bakri dan Tessa. Sekecil-kecil pertolongan pun dia sedia buat. Biarpun berlainan *department* dalam syarikat tersebut, mereka berkongsi *skill* kerja yang agak sama. Bolehlah kalau nak hulurkan bantuan sikit. Betapa bagusnya peribadi seorang Aslan. Walaupun suara Yaya menari-nari dalam fikiran Dani, dia terpaksa tidak pedulikan untuk malam itu. Aslan memang sahabat dan teman sepejabat yang sangat baik. Nyah kau, Yaya! *I need extra hands*!

Bab 14

FARHAN mendapatkan kopi daripada Yaya. Masam mencuka tak kena. Kereta diparkir betul-betul menghadap Tasik Titiwangsa. Lokasi kegemaran orang Kuala Lumpur pada waktu petang.

“Kenapa masam lagi ni? Ada yang tak kena ke?”

“Kan I ada cerita kat you, Alan masuk *company* Dani.”

“Sudah tu? Apa masalahnya?”

Mereka berjalan menuju ke bangku berdekatan.

Redup suasana petang itu. Cuma hati Yaya aje yang panas. Makin difikir, makin geram. Marahnya masih tak habis

lagi mengenangkan cerita-cerita tak enak yang didengarinya berkaitan Aslan bertahun-tahun dulu.

Padahal Aslan berkawan baik dengan Farhan, bakal tunangnya, tapi masih tak puas hati. Terasa Farhan masih lagi membukukan cerita-cerita tentang Aslan dalam hati.

Kalau mahu diikutkan cerita-cerita liar daripada teman sefakulti, memang mudah saja untuk dia memangkah si Aslan itu sejak awal. Dulu, Yaya sangka keresahannya sudah pun reda disebabkan Aslan dah dewasa dan hubungannya dengan Farhan tidak akan terganggu lagi.

Namun yang membuatkan dia kembali risau ialah apabila Aslan mula rapat dengan Dani. Ya, Dania... Gadis yang sudah dia anggap seperti adik kandung sendiri. Adik yang hidup tanpa ibu dan bapa. Hidup Dani sudah cukup menyakitkan dan menyesak jiwa. Yaya bukan tidak mahu percaya. Tapi dia sendiri tidak tahu sejauh mana hujung pangkal karakter sebenar seorang Aslan. Dia cuma takut... kalau Dani disakiti. Dan saat dia mengingat kembali perbualan terakhirnya bersama Dani, rasa risaunya tiba-tiba berganda.

“Yaya, *I’m not sure. It’s fate* kut. Aku harap kau tak terkejutlah.”

“Apa dia? Jangan nak bagi saspens.”

“*Student home learning* aku tu, adik Alan.”

“*What do you mean?*”

“Lana, dia adik Alan.”

Yaya diam tak berkata.

“Ya, I swear kalau aku tahu pasal Alan, aku akan elak. Tapi ni aku kenal Lana dulu sebelum dia.”

Sungguhlah, rahsia alam itu tak ada siapa yang boleh teka. Tuhan memang dah tentukan segala sesuatu yang akan terjadi, bezanya cuma cara penerimaan hamba dalam mengatasi dan cara menempuh setiap ketetapan. Macam apa yang berlaku dalam hidup Dani, dalam berjuta

Ada Apa Dengan Dia?

manusia di Kuala Lumpur ni, Lana juga yang Dani jumpa dan siapa sangka Lana ialah adik Alan, lelaki yang Yaya tak pernah suka.

“You percaya aje cakap I, Alan budak baik. Cukup itu aje yang I mintak.”

Yaya menjeling. Nak memaksa boleh, tapi Farhan bukan makan paksa. Agaknya memang ada jenis lelaki yang elak habis-habisan daripada mengumpat.

“You nak marah-marah pun you tak dapat apa. Dani pun senang hati dengan Alan. You juga sendiri cakap, Alan selalu tolong Dani kat ofis. Tak cukup ke nak *prove* kat you?”

“I mengadu kat you yang Alan tu tolong Dani bukan sebab nak cakap dia tu baik. I ni takut dia nak berbaik-baik dengan Dani, nanti hujungnya dia *dump* si Dani tu.”

“Tak, Alan suka Dani ke? Atau dia ada *confess* apa-apa kat Dani?” Farhan sungguh-sungguh bertanya. Kalau boleh tak nak dipanjangkan lagi, tapi hati Yaya kenalah jaga. Cuma itulah, demi nak menjaga Dani, nama Aslan pula membusuk.

Yaya menggeleng.

“So? *What’s the problem?* Lainlah kalau *diorang* bercinta, *I mean, at least* adalah sikit kemungkinan yang you takutkan tu terjadi. Tapi taklah. I berani jamin kalau betul pun Alan nak *try* Dani, *Dani will be in good hands.*”

“You sure? You tahu macam mana *I being protective* kalau pasal Dani, kan? Kalau Dani *broken*, susah I nak maafkan you.”

“You rasa I nak berkawan dengan orang jahat

ke?”

Yaya menghela nafas. Tak pasti nafas lega atau sekadar menghela untuk hilangkan rasa berat dalam hati. Berat nak terima kenyataan daripada Farhan yang Aslan itu lelaki baik walaupun ada cerita lama yang tersebar di seluruh fakulti suatu masa dulu. Tapi dia akur, Farhan tak mungkin menipu. Apa pun yang terjadi, dia akan sedia ada untuk Dani biarpun terpaksa bermasam muka dengan Farhan.

“You tak marah I, kan?” tanya Yaya manja.

“*Pulak?*”

“Yalah. I asyik berprasangka kat adik sayang you tu,” balas Yaya merujuk kepada Aslan.

“Yaya, you... Dani... Alan... *You guys* ni *circle* I yang baik tau. Baik sangat. You banyak tanya pun sebab you *caring* pasal Dani. I faham tu. Takkanlah nak jadi sebab gaduh *pulak*. Rugilah kalau I hilang orang-orang ni dalam hidup I. Selagi I boleh *explain*, I *explain*.”

“Tapi you tak cerita pun pasal kisah Alan. I nak tahu.”

“Mula dah... Tak ada yang nak dirahsiakan, sayang. Apa yang you tahu, itulah ceritanya.”

Misi gagal. Yaya masih tak tahu apa yang cuba disembunyikan. Tapi yang pasti, Yaya tekad membuat keputusan yang dia tak nak lagi ambil tahu kisah silam Aslan. Mungkin betul apa yang Farhan cakap tadi, tak ada apa yang dirahsiakan dan tak ada pun konflik besar di sebalik kerisauannya selama ini terhadap Aslan. Semoga Dani dikelilingi orang-orang yang baik.

Bab 15

MATA cuba dilelapkan. Bakri dan Tessa sudah lama masuk ke mulut saja. Penat bekerja keras selama dua minggu di pejabat terasa seakan-akan lebih memenatkan daripada bertukang di tapak binaan. Mesyuarat bersama klien pagi tadi membuahkan keputusan yang baik. Seperti yang dijangkakan, tidak banyak yang perlu diubah. Klien menyerahkan kepada Bakri untuk menilai sendiri apa yang terbaik dalam reka bentuk itu nanti. Hanya beberapa penambahbaikan kecil diperlukan dan Tessa diminta melengkapkan lukisan perincian mengikut reka bentuk akhir.

Bakri kini boleh berurusan terus dengan *supervisor* tapak. Dani hanya perlu memberikan pandangan apabila perlu. Dia tahu tugasnya belum berakhir, tetapi cukuplah buat masa ini. Dengan selesainya proses reka bentuk, satu beban besar telah pun terangkat.

Jam menunjukkan pukul empat petang. Balik aje dari *meeting* tadi, selepas solat dia dan Bakri bantai tidur. Kalau terlajak pun tak apa. Bakri beritahu Encik Khalil pernah kata, *as long as* kerja siap, nak tunggang ke, nak terbalik ke, dia tak nak masuk campur. Syukur sangat dapat Encik Khalil sebagai bos. Jarang dia ikut campur tangan urusan *department* Dani. Dani pun lebih gemar berurusan dengan Tiara saja.

Dani berpusing-pusing mencari posisi yang selesa. *Bean bag* yang menjadi alas punggung ditepuk-tepuk biar gebu. Suasana ruang rehat di pejabat terasa terang membuatkan Dani makin susah nak lelap.

“Dah tahu nak tidur tu, *dim* kan sikitlah lampu ni.” Ruang rehat yang tadi terang, menjadi kelam. Aslan ikut berbaring di atas *bean bag* lain bersebelahan Dani.

Dani menoleh. “Hei...”

“*Hmmm...*” Aslan menekup mukanya dengan majalah yang baru dicapai. “Dah *lunch* belum tu?” Dia bersuara di sebalik majalah tadi. Sengaja dibiarkan menutupi matanya.

“You?”

“I tiru you. Kalau you makan, I makan.”

jantungnya ~~Palak...~~ Dani berpaling. Terasa berdegup laju tiba-tiba. Aslan ini memang pandai bermain kata.

“Mana *colleague* yang lain?”

“Dah macam kapsul hotel bawah tu. Lepas solat Jumaat tadi masing-masing yang balik dari *site* terus membuta di ofis. Ada yang *prepare for exam*. I baru balik *meeting, submission*. Penat.”

Ada Apa Dengan Dia?

“You ada *submission*?” Tersentak Dani terus memandang Aslan.

Aslan mengangguk.

“You tolong *team* I malam kelmarin, kan?”

“I kan tolong kejap aje. Lepas tu I sambung buat kerja I.”

“You gila ke? Kerja sendiri belum siap.”

“You kan tolong I hari tu, I balaslah balik.”
Cepat-cepat Aslan membalas.

Dani tergelak. Sempat dia mencubit lengan Aslan.

“Sakittt...”

Inilah kali pertama dia dapat duduk berdua dengan Aslan sejak malam dia dihantar balik tempoh hari. Selebihnya mesti ada orang ketiga, keempat, kelima dan sambunglah sendiri. Aslan pun mungkin dah lupa nak ungkit malam kejadian tempoh hari. Waktu di dalam kereta dia lebih selesa bicara tentang hal lain.

“Cik-gu Dani tak lapar ke?” Perkataan cikgu itu seakan-akan ditekan. *Hmmm...* Nampaknya Aslan tak lupa tentang posisi Dani. *So attentive* seperti membalas apa saja yang difikirkannya sekejap tadi.

Dani tergelak. Ada saja kalau yang namanya Aslan ni. “Cik-gu Dani lapar tidur...” jawabnya selamba.

“Hei... Gastrik nanti.”

“Nak tahu tak, kalau Bak dengar ni mesti dia gelak.”

“Kenapa dengan dia?”

“Bak kenal I sangat. Dia dah tak hairan kalau I

tak ada *mood* nak makan. Dia lempar aje biskut kering sepeket. Asalkan I mengunyah *something*.”

“Tak aci. Bak dah kenal you lama... Sebab I tak kenal youlah, I ajak makan. Boleh kenal-kenal.” Lembut tuturnya membalas. Ikhlas, tapi hujungnya tetap dia berasa bodoh. *Not again*, Alan... Rasa macam nak lari laju-laju. Mulut tu serasa nak ditampar-tampar. Selalu sangat bercakap tak fikir dulu. Lebih-lebih lagi kalau di depan Dani. Risaunya dia bukan kepalang. Takut-takut Dani *cop* dia sebagai lelaki yang merata nak mengayat perempuan padahal Aslan yang dulu bukan macam ini.

Habis tu Aslan yang dulu macam mana?
Entahlah...

Dani di sebelah membetulkan duduk. Terasa panas walaupun pendingin hawa sentiasa terpasang. Ampunkan dosaku, Ya Allah. Bagilah terang hati dan minda, nak menjawab apa setiap kali Aslan menjadi manis begini.

“Kat sini rupa-rupanya dua serangkai ni.” Suara Tiara kedengaran.

Dani dan Aslan tersentak. Kedua-duanya terus duduk meregang otot. Ahhh... Datang pun penyelamat Dani. Tiara berhenti di hadapan mereka sambil mencekak pinggang. Datang dengan gayanya yang menarik. Si tinggi lampai ini memang segala *girl crush*.

“*How’s today?* Ada bagus?” soal Tiara.

“*Settle*, cemerlang sekali,” jawab Dani.

“*That’s my girl...*”

“Alan?” Giliran Aslan ditanya.

“Klien kata okey, okeylah tu.”

Ada Apa Dengan Dia?

“Alhamdulillah. Kita rajin, *work smart*, hujung tahun boleh *claim* bonus banyak-banyak kat Encik Khalil, ya.” Tiara tersenyum senget. Dani dan Aslan terpisat-pisat macam mengantuk sangat. Tadi bukan main rancak bersebang.

“Nak masuk pukul lima dah ni. *You guys* kalau nak *sign off, go la*,” ujar Tiara ringkas sebelum berlalu.

Aslan dan Dani terus tersenyum apabila dapat lampu hijau.

“Malam ni datang rumah tak?”

“Mestilah. Lana dah bising.”

“Siap-siap asar, nanti balik dengan I. Kita makan dulu.”

“Eh, tak apa. I *drive* sen...”

“I nak bawa you makan dekat satu kedai makan ni. Tapi selalu tak ada *parking*. *Carpool* senang sikit.”

Laju sangat Aslan membalas. Macam dah *plan* lama pula. Yakinnya macam dia tukang rencana dan tak ada siapa boleh kata tidak. Peliknya, Dani jarang membantah seakan-akan pasrah sahaja dikepalai Aslan. Macam kenal dah lama. Aslan sikit pun tak teragak-agak. Nampaknya *special project* Encik Khalil dan Cik Tiara dulu membibitkan persahabatan antara Dani dan Aslan.

Bab 16

DANI melangkah keluar dari perut kereta Aslan. Sempat dia depan pagar dia dah nampak kelibat Zaed yang baru saja masuk parkir.

“Ed, baru sampai ke?” Dani menyapa Zaed.

“*Hm*. Baru aje. Lambat sikit.” Zaed bagi pandangan mata yang dapat ditangkap oleh Dani. Kemudian dia menggalas begnya.

“Lewat balik? Bukan Jumaat *your class* pagi aje?” soal Dani. Jam menunjukkan pukul 11 malam.

Zaed sekadar diam dan dibiarkan saja soalan tadi berlalu ditiup angin malam. Tak berminat nak menjawab. Muncungnya ditala ke arah kereta warna hitam milik Aslan. Nampaknya ada penyelamat yang membenarkan dia beralih topik pertanyaan Dani.

Dani menoleh ke arah pandangan Zaed. Aslan yang tadinya di dalam kereta kini sedang menuju ke arah

Ada Apa Dengan Dia?

mereka. Salam dihulur.

“Aslan,” ucap Aslan.

Salamnya disambut dan genggamannya terasa kemas. “Ed, adik dia ni.” Kepalanya ditelengkan sedikit ke sebelah, matanya seolah-olah memberi isyarat tertentu.

Dani cukup faham bahasa mata Zaed itu. Tanpa banyak soal, bahu Zaed ditepuk kuat oleh Dani.

“Sakittt!”

Entah kenapa, Dani tiba-tiba rasa malu dan seperti biasa, dia lepaskan rasa itu dengan cara paling mudah iaitu menyakitkan Zaed sedikit. Aslan hanya tersenyum. Barangkali dia juga faham apa yang sedang berlaku. Riak wajah Zaed tadi tak susah untuk ditafsirkan.

“*Officemate* akak. *Used to drive me home before this. Once.*” Lengan Zaed dipeluk. Tak tahu kenapa rasa janggal.

“Kereta kakak? Tinggal lagi?” Dani angguk dan hanya diperhatikan Aslan.

“Aaa... Tak apa, esok *I’ll fetch her*. Pergi ofis sekali. Rumah abang tak jauh.” Ayat itu meluncur laju dan tanpa sedar, dia membahasakan dirinya sebagai abang. Dengan Firas pun, tunggu mama ingatkan baru dia tergerak nak panggil diri sendiri ‘abang’.

Sekali lagi Aslan pantas merencana. Tak pernah pun minta persetujuan Dani. Tapi macam biasa, Dani pasrahkan sahaja lagipun ternyata lebih menyenangkan dia. Zaed pula hanya mengangguk seperti ayah-ayah gayanya. Dani hanya bisa senyum, tak mahu lagi dipanjangkan perbualan. Malam pun semakin pekat. Tak perlu rasanya dia menjemput Aslan masuk ke rumah. Dan

Aslan pun seakan-akan tahu kedudukannya.

“Okay, I jalan dulu. *See you then.*” Tangan Zaed dijabat lagi.

Aslan sempat mengerling ke arah rumah. Gelap. Tinggal berdua barangkali. Tanpa sedar, hatinya meluap-luap dengan perasaan ingin tahu lebih lagi tentang Dani. Berapa bilangan adik-beradiknya, siapa ibu dan ayahnya dan segala yang penting dalam hidup Dani. Dari dalam kereta, Aslan menyaksikan akrabnya Dani dan adiknya bertepuk tampar sambil mengambil peluang menyiram tumbuhan hijau yang elok terbela di sudut rumah. Jauh beza dengan dia dan Lana.

Setelah kereta Aslan berlalu pergi, Dani segera ingin masuk ke dalam rumah.

“*What a catch,*” seloroh Zaed.

“*He’s a friend.*”

“Eleh, *eyes never lie.*”

“Amboi... Ha, *look into my eyes, come here* cepat.” Dani mencuit adiknya.

Zaed merenung mata kakaknya laju-laju. Dani kalah, terus mengelak dan cepat-cepat dia masuk ke dalam rumah.

“*Exactly!*” laung Zaed kuat.

*Like the music in my head,
That’s playin’ over and over and over
Girl I can’t get you out my head, Wanna be*

Ada Apa Dengan Dia?

with you

Just to be with you,

So let the music start,

*To the beat of my heart, Wanna dance the
night away.*

Be With You – Aziatix

SEPANJANG perjalanan menyaksikan diamnya Aslan membelah malam. Lagu Aziatix di hujung *speaker* dikuatkan. Di dalam kepalanya ada 10 peratus mama, 10 peratus Opie, 15 peratus Lana, 25 peratus kerja di pejabat, dan 40 peratus selebihnya milik Dania. Entah bila saham Dani naik sebanyak itu pun dia tak sedar. Banyak kali ke Dani membeli jiwanya? Sudah lama Aslan tak dijentik perasaan macam ini sebab itulah bukan main berseloroh setiap kali dia berdepan dengan Dani. Kadang-kadang rasa diri sendiri gelojoh sampai dia malu sendiri dan hatinya menolak keras yang dia mulai ada rasa untuk Dani.

Tiba-tiba terasa darah menyerbu ke muka. Agak-agak Dani perasan tak cara gadis itu dilayan berbanding dengan kawan sepejabat yang lain? Ahhh, sudah... Aslan menampar-nampar pipinya. *She's a friend*. Cepat-cepat dia membetulkan apa yang difikirkannya. Tapi saham Dani yang 40 peratus tadi memang tak berganjak.

Sampai di rumah, Lana duduk di ruang TV. Masuk kali ini entah berapa kali Lana ulang siri *Stranger Things* di Netflix. SPM tak lama lagi, *chill* habis budak ni. Dulu, masa duduk asing dengan abah pun tak habis-habis dia kena *bambu*. Abah sanggup pindah ke KL kejap, *monitor* syarikat kecil dia dari jauh waktu mama tengah sibuk dengan PhD. Jemput dari sekolah, hantar pergi ofis

mama, sambung petang latihan bola sepak dengan abah, malam buat latih tubi. Hari-hari kena hantar resit kat abah, tak sempat nak main-main *beb*. Dia masih tak faham kenapa abah dengan mama berpisah. Tak rasa macam hidup asing pun melainkan abah dan Lana tak tinggal sebumbung.

“Lana.” Kunci kereta diletakkan di atas meja konsol.

Lana diam. “Na, abang panggil ni dengar tak?”

“Huh? *Sorry*, apa dia?”

Baru rasa nak marah. Ralit tengok TV rupanya.

“Naik atas, abang nak tengok bola kat sini.”

Selamba Aslan mengarah Lana. Sepatutnya bukan itu pun yang nak diluah. Saja nak usik Lana, padahal boleh aje dia *stream* siaran langsung di *smart* TV di dalam biliknya.

“Okey.” Tak banyak bunyi. Lana naik atas tanpa diminta lagi.

Okey aje? Pelik. Adiknya yang seorang ini selalu melawan, berjalan pun hentak-hentak kaki tanda marah, tak ngam langsung dengan abang-abangnya. Sejak-sejak ni bukan main ceria, tak ada marah-marah. Muka pun dah tak selalu berkerut. Tolong mama buat kerja rumah pun tak banyak alasan. *Amazing*.

Tiba-tiba Firas turun dengan mug di tangan.

“Oi, baru sampai?” Dia melabuhkan duduk dekat dengan Aslan.

“Rajin kau hantar Kak Dani, kan?”

“Mama suruh.”

Ada Apa Dengan Dia?

“Apo mama suruh, dah dia memang datang sini dengan kau.” Tak beragak-agak abang ni nak *corner* cerita. “Eleh, tadi mama suruh kau buang sampah, apa benda kau cakap?”

“Tapi *lastly* aku buang, kan?”

“Itu pun lepas mama cepuk kau.”

“Kau nak apa ni?”

“Bang, Kak Dani tu cantik, kan?”

“Diam boleh tak? Kau nak tengok bola, duduk sini. Kalau tak nak, naik atas sana.” Jari telunjuk ditala ke arah tingkat atas.

“Inilah dia... Cepat naik angin.”

Aslan tersengih. Budak Firas ni memang tak makan saman. “Tak, kau datang-datang, tanya banyak-banyak ni kau nak apa sebenarnya? Apa masalah kau?”

“Nak tanya, abang aku ni suka Kak Dani ke tidak? Kau kan *forever* kosong.”

“Kalau Dani tu tak kosong?”

“Nak aku tanyakan?”

“Hah, memandai.” Aslan diam. Firas menatap matanya, geli. “Dia kan *colleague* aku. Kawan-kawan, apa salahnya buat baik. Kau ni pun.”

Firas mendengus tak puas hati.

“Opie, kau kalau nampak member tengah susah, kau tolong ke atau kau tinggal?”

Firas menjeling. Malas nak jawab. Sebenarnya mama yang suruh tanya Abang Alan sebab mama berkenan dengan Kak Dani. Sebelum Kak Dani berpunya,